DR. 3 TAHUN 2011
MALAYSIA

# LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA




DEWAN RAKYAT
*Yang Keduabelas*
Penggal Keempat

**DR. 3 TAHUN 2011**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

*Yang Keduabelas*

**(Penggal Keempat)**

# LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA

**LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA**

## KANDUNGAN

### BAHAGIAN I

### PENGENALAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| • Jawatankuasa dan Terma Rujukan | 1 |
| • Pendekatan Tugas Kerja | 3 |
| • Pendengaran Awam | 4 |


### BAHAGIAN II

### ISU-ISU PENDENGARAN AWAM


| | Muka Surat |
|---|---|
| • Jawatankuasa kecil | 15 |
| • Isu–Isu Yang Dibangkitkan Dalam Pendengaran Awam Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya | 18 |
| - Jawatankuasa Kecil Meneliti Undang-undang dan Peraturan Berkaitan Dengan Pilihan Raya Malaysia | 18 |
| - Jawatankuasa Kecil Mengkaji Proses Pilihan Raya | 59 |
| - Jawatankuasa Kecil Menambah Baik Daftar Pemilih | 68 |
| - Jawatankuasa Kecil Memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) | 91 |
| - Jawatankuasa Kecil Mengkaji Sistem Alternatif Dalam Mengadakan Pilihan Raya | 97 |

## BAHAGIAN III

## PANDANGAN DAN SYOR-SYOR AWAL JAWATANKUASA

Muka Surat


- Cadangan dan rumusan – Ulasan Kementerian dan Jawatankuasa 105
  - Penggunaan Dakwat Kekal (Indelible Ink)
  - Pengundian Awal
  - Pengundi Tidak Hadir Luar Negara
  - Pengundi Luar Kawasan
  - Penukaran Kawasan Pendaftaran (Alamat Pusat Mengundi)
  - Pembersihan Daftar Pemilih
  - Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan
  - Ketelusan Proses Mengundi
  - Penambahbaikan Proses Pencalonan
  - Pengukuhan SPR
- Rumusan Jawatankuasa 111


## BAHAGIAN IV

## PENGHARGAAN

Muka Surat


- Penghargaan 113

**DR. 3 TAHUN 2011**

# LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA

## BAHAGIAN I

## PENGENALAN

### Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Isnin, 3 Oktober 2011 telah meluluskan Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mencadangkan:

   **"BAHAWA** mengikut Peraturan 81 (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Majlis ini mengambil ketetapan berikut:

   (a) Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dilantik bagi mengkaji perkara-perkara berkaitan proses pilihan raya Malaysia;

   (b) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah terdiri daripada sembilan (9) Ahli Dewan Rakyat seperti yang berikut:

   (i) lima (5) anggota daripada Barisan Nasional (termasuk seorang Menteri sebagai Pengerusi);

   (ii) tiga (3) anggota daripada pembangkang; dan

   (iii) satu (1) anggota selain anggota daripada Barisan Nasional atau pembangkang. (Bebas)

   Jika Pengerusi yang dipilih tidak hadir dalam sesuatu Mesyuarat, Jawatankuasa tersebut hendaklah memilih seorang Pengerusi dari kalangan Anggota-anggota Jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja;

   (c) Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut adalah selama enam (6) bulan. Jika Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut tidak dapat melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan dalam tempoh tersebut, perkara ini hendaklah dibawa semula ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi maksud pelanjutan tempoh pelantikan;

   (d) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah mengkaji perkara-perkara yang akan memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan mengkaji proses pilihan raya yang bebas dan adil; dan

(e) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dipersetujukan atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Majlis Mesyuarat tersebut."

2. Jawatankuasa Pemilih telah bermesyuarat pada hari Selasa, 4 Oktober 2011 bagi menjalankan tugas yang diserahkan iaitu melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Penyata Jawatankuasa Pemilih telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari Rabu, 5 Oktober 2011. Ahli-ahli yang telah dilantik adalah:

(i) YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili;
(Ahli bagi Kawasan Kota Marudu)
(Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi) sebagai Pengerusi

(ii) YB Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad;
(Ahli bagi Kawasan Kangar)

(iii) YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn;
(Ahli bagi Kawasan Alor Gajah)

(iv) YB Datuk Alexander Nanta Linggi;
(Ahli bagi Kawasan Kapit)

(v) YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan;
(Ahli bagi Kawasan Hulu Selangor)

(vi) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali;
(Ahli bagi Kawasan Gombak)

(vii) YB Tuan Loke Siew Fook;
(Ahli bagi Kawasan Rasah)

(viii) YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli; dan
(Ahli bagi Kawasan Kuala Krai)

(ix) YB Tuan Wee Choo Keong;
(Ahli bagi Kawasan Wangsa Maju).

3. Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya ( selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa” ) dengan ini membentangkan Laporan Jawatankuasa kepada Majlis seperti ketetapan-ketetapan di atas.

**Pendekatan tugas kerja**

4. Pemberitahu Jawatankuasa ini telah disiarkan di laman web Parlimen (http://www.parlimen.gov.my) yang turut mengandungi kelulusan penubuhannya, tujuan penubuhannya, Ahli-ahli Jawatankuasa serta jadual dan tarikh-tarikh pendengaran awam. Cadangan juga boleh dihantar melalui emel (jkpilihanraya@parlimen.gov.my) atau portal MyIdeas (http://www.myideas.my/isp/). Capaian kepada Akta & Peraturan-Peraturan Pilihan Raya di laman web SPR turut disediakan di laman web tersebut.

5. Setakat ini, Jawatankuasa telah mengadakan sebanyak 5 mesyuarat seperti berikut:

(a) mesyuarat pertama pada 12 Oktober 2011 bagi membincangkan dan memutuskan terma-terma rujukan yang merangkumi lima bidang:

i. meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia,

ii. mengkaji proses pilihan raya,

iii. menambah baik daftar pemilih,

iv. memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dan

v. mengkaji sistem alternatif dalam mengadakan pilihan raya;

(b) mesyuarat kedua diadakan pada Selasa, 1 November 2011 untuk mendapatkan input dan cadangan daripada Ahli-ahli Jawatankuasa;

(c) mesyuarat ketiga pada Rabu, 2 November 2011 bertujuan mendapatkan taklimat mengenai maklum balas SPR terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak awam berkenaan proses pilihan raya serta usaha-usaha penambahbaikan yang dirancang oleh SPR;

(d) mesyuarat keempat diadakan pada Khamis, 10 November 2011 untuk mendapatkan keterangan daripada SPR mengenai

urusan pendaftaran dan daftar pemilih serta peranan Jabatan Pendaftaran Negara di bawah Kementerian Dalam Negeri terhadap SPR berkaitan dengan proses pilihan raya termasuk daftar pemilih; dan

(e) mesyuarat kelima pada Rabu, 16 November 2011 bertujuan mendapatkan penerangan daripada YBhg. Peguam Negara berkenaan isu:

i. penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*); dan

ii. pendaftaran automatik (*automatic registration*) bagi pengundi yang berumur 21 tahun.

6. Jawatankuasa dijadualkan menemui wakil pertubuhan- pertubuhan/persatuan-persatuan yang berdaftar dan individu dalam sesi pendengaran awam seperti jadual berikut:

| TARIKH | TEMPAT |
|---|---|
| 11 dan 12 November 2011<br>(Jumaat dan Sabtu) | Bilik Jawatankuasa 2, Bangunan Parlimen,Kuala Lumpur |
| 25 dan 26 November 2011<br>(Jumaat dan Sabtu) | Bilik Kedah, Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah |
| 8 dan 9 Disember 2011<br>(Khamis dan Jumaat) | Bilik Gerakan Negeri, Wisma Bapa Malaysia, Petrajaya, Kuching, Sarawak |
| 15 dan 16 Disember 2011<br>(Khamis dan Jumaat) | Dewan Sri Pinang, Lebuh Light,<br>Pulau Pinang |
| 7 dan 8 Januari 2012<br>(Sabtu dan Ahad) | Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan |
| 12 dan 13 Januari 2012<br>(Khamis dan Jumaat) | Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru, Johor |

**Pendengaran awam**

7. Jawatankuasa juga telah mengadakan sesi pendengaran awam dengan menemui wakil-wakil pertubuhan,persatuan yang berdaftar dan individu ditempat-tempat seperti berikut:

**SESI PENDENGARAN AWAM**
**PADA 11 HINGGA 12 NOVEMBER 2011**
**( JUMAAT & SABTU )**
**DI BILIK JAWATANKUASA 2 , BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA**

| TARIKH/HARI/ MASA | PERTUBUHAN/PERSATUAN/INDIVIDU | |
|---|---|---|
| **11 NOV 2011 ( Jumaat )** | 1 | **Majlis Belia Selangor**<br>a. Encik Badrul Hisham bin Badrudin [Timbalan Presiden] - Pembentang<br>b. Encik Haris Azwan bin Abdul Aziz [Ahli Majlis Tertinggi]<br>c. Encik Azwan bin Dato' Mat Yasir [ Ahli Majlis Tertinggi]<br>d. Encik Mohd Izzuddin bin Mohamad Razali [Ahli] |
| | 2 | **Malaysian Chinese Association (MCA)**<br>a. YB. Datuk Ei Kim Hock [Ahli JK Tinggi Pusat] - Pembentang<br>b. YB. Senator Chiew Lee Giok [Setiausaha Agung Wanita MCA]<br>c. Encik Loh Chew June [Penolong Setiausaha Agung Pemuda MCA]<br>d. YBhg. Datuk Theng Bok [Ketua Biro Pengaduan dan Perkhidmatan Awam, Negeri Johor] |
| | 3 | **Transparency International - Malaysia**<br>a. YBhg. Datuk Paul Low Seng Kuan [Presiden] - Pembentang<br>b. Encik Alan Kirupakaran [Pengarah Eksekutif]<br>c. Encik Josie Fernandez [Setiausaha Agung] - Pembentang<br>d. Encik Joseph Tong Wai Kin [Pegawai Integriti] |
| | 4 | **Society of the Blind**<br>a. En Loh Kong Ken |

| | | |
|---|---|---|
| | 5 | **Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia**<br>a. Encik Abdul Mohamed bin Md Gani [Ketua Cawangan] - Pembentang<br>b. Tuan Haji Ismail bin Hamid [Timbalan Ketua Cawangan]<br>c. Tuan Haji Mohd Aziz bin Mohd Yusoff [Ahli]<br>d. Encik Sharudin bin Yussof [Ahli]<br>e. Tuan Haji Yahya bin Abd. Wahab [Ahli]<br>f. Tuan Haji Mohd. Nor Majid [Ahli]<br>g. Tuan Ismail bin Kadim [Ahli]<br>h. Encik Balasubra Maniam a/l Seevaratnam [Ahli]<br>i. Encik Jaafar bin Kechut [Ahli]<br>j. Encik Mohd Zainan Yunus [Ahli] |
| | 6 | **PUTERA MIC**<br>a. Encik Dhinesh Thinakaran - Pembentang<br>b. [Ketua Pergerakan Putera MIC Negeri Selangor]<br>c. Encik Arvind Keishnan [Timbalan Ketua]<br>d. Encik Prevanan [Timbalan Setiausaha]<br>e. Encik S. Loganathan [Ahli]<br>f. Encik Logarajah Vassu [Ahli]<br>g. Encik Mano [Ahli] |
| | 7 | Mr. KJ John (Individu) |
| | 8 | Encik P. Uthayakumar - Pembentang<br>Encik S. Thiagarajan<br>Encik S. Manimaran<br>Encik S. Sugumaran<br>Encik Ganesan<br>Encik Rajoo<br>Encik S. Jayatas |
| | 9 | Encik Michael Soosay (Individu) |
| | 10 | Puan Annie Ooi Siau Lan (Individu) |

| | | |
|---|---|---|
| | 11 | **PUTERA MIC –Biro Antarabangsa**<br>a. En Venkates Rao - Pembentang<br>b. En P. Kunaleesayan |
| | 12 | **Youth Malaysians Movement**<br>a. En Lim Penh Hooi |
| **12 NOV 2011<br>( Sabtu )** | 1 | **The Association for the Promotion of Human Rights**<br><br>a. YBhg. Tan Sri Ramon Navaratnam - Pembentang<br>b. YBhg. Dato' Michael Yeoh - Pembentang |
| | 2 | **Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)**<br>a. Y.Bhg. Datuk Khaw Lake Tee [Timbalan Presiden] - Pembentang<br>b. Encik Ameer Izyarif bin Hamzah<br>c. Puan Noor Azizah binti Atdenan |
| | 3 | a. Datuk S. Ambiga - Pembentang<br>b. Dr. Wong Chin Huat - Pembentang<br>c. Puan Maria Chin Abdullah - Pembentang<br>d. Encik Andrew Khoo - Pembentang<br>e. Encik Wong Piang Yow - Pembentang<br>f. Encik Melvin Mah<br>g. Puan Poh Swee Hiang<br>h. Encik Robert William<br>i. Dr. Shawn Tan<br>j. Encik Kee Tuan Chye |
| | 4 | **Dewan Pemuda PAS Pusat**<br><br>a. Encik Suhaizan bin Kaiat - Pembentang<br>b. Encik Mohd Adrani Musa<br>c. Encik Kamaruzaman bin Ahmad Nur |

| | | |
|---|---|---|
| | 5 | **Majlis Peguam**<br><br>a. Encik Lim Chee Wee [Presiden]<br>- Pembentang<br>b. Encik Christopher Leong [Timbalan Presiden]<br>c. Encik Tony Woon |
| | 6 | **DAP Socialist Youth, DAPSY**<br><br>a. YB Puan Janice Lee Ying Ha (Deputy Chief DAPSY Malaysia) - Pembentang<br>b. Encik Lee Hwan Bo<br>c. Encik Khoo Kian Seang<br>d. Encik Chan Boon Hong<br>e. Encik Tan Chan Kiang<br>f. Puan May Lun<br>g. Encik Lee Ching Hung<br>h. Encik Wong Sing Yee<br>i. Encik Tay Khan King<br>j. Encik Chan Huan Guan<br>k. Encik Zairil Khir Johari-Pembentang<br>l. Encik Rajiv a/l Rishyakaran |
| | 7 | **Hospital Tung Shin**<br>a. Dr. Ng Swee Choon - Pembentang<br>b. Dr. Ng Kwee Boon - Pembentang<br>c. Dr. Yong Su Mei<br>d. Dr. Wong King Shen<br>e. Dr. Tan Wee Kee<br>f. Dr. Tan Tong Sei |
| | 8 | **Growing Emerging Leaders Centre**<br><br>a. Puan Jasmine Ng Kit Ching [Chairperson]<br>- Pembentang<br>b. Encik Ooi Piee See |
| | 9 | Individu<br>En Melvin Mah |

| | | |
|---|---|---|
| | 10 | Individu<br>Poh Swee Hiang |
| | 11 | Individu<br>Robert William |
| | 12 | Individu<br>Dr. Shawn Tan |
| | 13 | Individu<br>En Kee Thuan Chye |
| | 14 | **PUTERA MIC**<br>Encik S. Yogenvran [Ahli] - Pembentang<br>Encik Vikneswaran Ganesan [Ahli] |

**SESI PENDENGARAN AWAM**
**PADA 25 DAN 26 NOVEMBER 2011**
**( JUMAAT & SABTU )**
**DI BILIK KEDAH , KOMPLEKS PENTADBIRAN PERSEKUTUAN SABAH,**
**KOTA KINABALU, SABAH**

| TARIKH/HARI/ MASA | PERTUBUHAN/PERSATUAN/INDIVIDU | |
|---|---|---|
| **25 NOV 2011**<br>**( Jumaat )** | 1 | **Parti Maju Sabah (SAPP)**<br>a. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee<br>(Bersama 30 orang penyokong) |
| | 2 | **Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sabah**<br>a. Encik Taufick Ruschi - Pembentang<br>b. Dr. Chong Eng Leong - Pembentang |
| | 3 | Individu<br>Encik Adris bin Taripin |
| | 4 | **Parti Sosialis Malaysia (PSM)**<br>a. Encik Kanul Gindol |
| | 5 | Individu<br>Encik Kong Yun Chee @ Joshua Kong |
| | 6 | **Parti United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation (UPKO)**<br>a. YBhg. Datuk Wilfred Madius Tangau - Pembentang<br>b. YB Datuk Maijol Mahap<br>c. YBhg. Datin Dr. Jaina Sintian<br>d. Encik Arthur Sen<br>e. Encik Wong Thein Fook<br>f. Encik Jaitol bin Anggong |

| | | |
|---|---|---|
| | 7 | **Parti DAP Sabah**<br>a. YB. Dr. Hiew King Cheu [Ahli Parlimen Kota Kinabalu]<br>b. Encik Edward Ewol Mujie<br>c. Dr. Edwin @ Jack Bosi [Setiausaha Agong DAP Sabah] - Pembentang<br>d. YB. Jimmy Wong [ADUN Sri Tanjung] |
| | 8 | **Liberal Democratic Party (LDP)**<br>a. YB. Datuk Teo Chee Kang [Setiausaha Agong] - Pembentang<br>b. Encik Albert Kok |
| | 9 | **Pertubuhan Kelahiran Murut Pribumi Sabah (BORNEO Murut Native Organization Sabah) (BORNEO)**<br>a. Encik Raunis Kandoi - Pembentang<br>b. Encik Garius Puicin |
| | 10 | **Borneo Heritage Foundation**<br>a. Encik Daniel John Jambun - Pembentang<br>b. Encik Felix Sitaun<br>c. Encik Lawrence Fung |
| | 11 | **Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS)**<br>a. Encik Webley Disim - Pembentang<br>b. Encik Viccor Lee<br>c. Encik Peter Chin |
| | 12 | Individu<br>Encik Osman bin Simpo |

| | | |
|---|---|---|
| **26 NOV 2011**<br>**( Sabtu )** | 1 | **Parti Maju Sabah (SAPP)**<br>a. YB. Datuk Eric E. Majimbun [Ahli Parlimen Sepanggar] - Pembentang<br>b. Datuk Hj. Mohd. Noor bin Mansoor - Pembentang<br>c. Encik Etor @ Alvester Masambal<br>d. Encik Johnes @ Onis bin Piut<br>e. Encik Ariffin Lolong |
| | 2 | **PAS Sabah**<br>a. Encik Mohd. Aminuddin bin Aling - Pembentang<br>b. Encik Awang Laiman bin Ikin<br>c. Encik Mohd. Firdaus bin Mohamad<br>d. Encik Mohd. Nazri Sulaiman |
| | 3 | Individu<br>a. YBhg. Datuk Verus Aman Sham - Pembentang<br>b. Encik James Alvanus<br>c. Encik Robert Munang – Pembentang |
| | 4 | **PERKEMAS SABAH**<br>a. Encik Marsidi Katong [Presiden] - Pembentang<br>b. Encik Maisanudin bin Atal Muin<br>c. Encik Saliman Sipulin<br>d. Encik Jafrid Nassif<br>e. Encik Kung Yung Sang |
| | 5 | Individu<br>Encik Ng Chak Ngoon |
| | 6 | Individu<br>Encik S. M. Muthu |

| | | |
|---|---|---|
| | 7 | **Pergerakan Pemuda UMNO Papar**<br>a. Encik Armizan Mohd. Ali<br>- Pembentang<br>b. Encik Abdul Razak bin Abd. Rashid<br>c. Encik Shahrum Abu Ali<br>d. Encik Roslie Ibrahim |
| | 8 | Individu<br>Encik Wong Piang Yow |
| | 9 | Individu<br>Encik Ng Kinn Siong |
| | 10 | Individu<br>Encik Jurin Gunsalam |
| | 11 | Parti PBS DUN Sook<br>a. Encik Ronny Rusikan<br>- Pembentang<br>b. Encik Taunek Simbat<br>c. Encik Jahnin Gondolot |
| | 12 | Individu<br>Puan Marietta Adang Mujah |
| | 13 | Individu<br>Puan June Rubis |
| | 14 | Individu<br>Puan Lau Shu Shi |
| | 15 | Individu<br>Encik Gunik Gunsalam |

8. Maklumat mengenai tarikh-tarikh pendengaran awam ini telah dimaklumkan melalui pemberitahu di laman web Parlimen serta akhbar-akhbar utama pelbagai bahasa. Tujuan pendengaran awam diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan dan cadangan dari orang awam serta membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan proses pilihan raya. Mana-mana pandangan yang membina serta positif akan dibincangkan secara terperinci oleh Jawatankuasa sebelum di perakukan.

9. Saksi-saksi yang terdiri daripada pertubuhan/persatuan berdaftar dan individu telah tampil kehadapan semasa sesi pendengaran awam diadakan. Laporan prosiding dan memorandum yang berkaitan disertakan bersama ini di dalam bentuk cakera padat dan ianya juga boleh didapati di Pusat Sumber, Parlimen Malaysia.

## BAHAGIAN II

## ISU-ISU PENDENGARAN AWAM

**Jawatankuasa kecil**

10. Mesyuarat pertama pada 12 Oktober 2011 adalah bagi membincangkan dan memutuskan terma-terma rujukan yang merangkumi lima bidang:

    i. meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia;
    ii. mengkaji proses pilihan raya;
    iii. usaha untuk menambah baik daftar pemilih;
    iv. memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR); dan
    v. mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya;

11. Jawatankuasa telah merumuskan supaya dibentuk lima (5) Jawatankuasa Kecil berdasarkan kepada setiap bidang utama. Jawatankuasa kecil ini dibentuk supaya setiap bidang utama lebih diperhalusi dan diberikan maklumbalas dengan tepat. Setiap cadangan diterima, akan diteliti oleh jawatankuasa kecil dan agensi berkenaan akan memberikan maklumbalas dan ulasan terhadap isu yang dibangkitkan.

12. Setiap jawatankuasa kecil diketuai oleh dua (2) Ahli Jawatankuasa. Pemilihan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam jawatankuasa-jawatankuasa kecil berdasarkan kepada minat dan kepakaran mereka di dalam bidang yang dibincangkan. Jawatankuasa kecil ini turut dianggotai oleh kementerian-kementerian lain dan melantik agensi teraju untuk membantu menyelaraskan isu-isu yang dibincangkan. Lima (5) jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang ditubuhkan dan senarai keanggotaan adalah seperti berikut:

| Bil. | Terma Rujukan / Ahli Jawatankuasa | Nama | Jawatan | Agensi |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | Meneliti Undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Pilihan Raya Malaysia<br>a. YB Dato' Seri Radzi Sheikh Ahmad (Kangar)<br>b. YB Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) | **1. Harun Che Su** | **Timbalan Setiausaha (Penyelidikan) (Agensi Teraju)** | **SPR** |
| | | 2. Mohd Azhar Mohd Yusoff | Penasihat Undang-Undang | SPR |
| | | 3. Siti Zauyah Osman | Setiausaha Bahagian Pendaftaran Negara dan Pendaftar Pertubuhan | KDN |
| | | 4. Zarifah binti Zulghaffar | Penasihat Undang-undang | JPN |
| | | 5. SAC Dato' Abdul Malek Harun | Timbalan Pengarah (Forensik / DNA), Jabatan Siasatan Jenayah | PDRM |
| | | 5. Noor Rosidi Ab Latiff | Penasihat Undang-Undang | Parlimen |
| | | 6. Amisyahrizan Amir Khan | Ketua Penolong Setiausaha (Penyelaras) | Parlimen |

| Bil. | Terma Rujukan / Ahli Jawatankuasa | Nama | Jawatan | Agensi |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | Mengkaji proses pilihan raya<br>a. YB Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)<br>b. YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (Hulu Selangor) | **1. Dato Noordin Che Ngah** | **Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya) (Agensi Teraju)** | **SPR** |
| | | 2. Nik Nurashikin Nik Mansor | Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan | JPN |
| | | 3. Ahmad Rozlan Abd Ghani | Setiausaha Bahagian Penerangan dan Diplomasi Awam | KLN |
| | | 4. Ismajuri Ismail | Penolong Pesuruhjaya | SPRM |
| | | 5. Hj Zaharin Hj Zainudin | Timbalan Setiausaha Bahagian | Penerangan |
| | | 6. En Masri bin Jemain | Timbalan Pengarah Bahagian NKRA | SPRM |
| | | 7. SAC Dato' Hj. Mohd Aris Ramli | Ketua Penolong Pengarah Pentadbiran / Penyelidikan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil | PDRM |
| | | 7. Zulfazly Mohamad | Penolong Setiausaha (Penyelaras) | Parlimen |
| **3.** | Usaha untuk menambah baik daftar pemilih<br>a. YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)<br>b. YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah) | **1. Hj Kamarudin Hj Keling** | **Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat (Agensi Teraju)** | **SPR** |
| | | 2. Rafidah Datu Derin | Timbalan Setiausaha Bahagian Pendaftaran dan Pertubuhan | KDN |
| | | 3. Laila Abdul Majid | Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat | JPN |
| | | 4. Dato' Abdul Wahab Abdullah | Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif | MIMOS |
| | | 5. Lt Kol Hamdan Yaccob | Pengurus ICT | MinDef |
| | | 6. Dzulkefly Abdullah | Ketua Penolong Setiausaha | KLN |
| | | 7. SAC Dato' A. Rahman Ahmad | Urus Setia Seksyen Penyelidikan dan Keurusetiaan, Cawangan Khas | PDRM |
| | | 8. Wan Kamarul Ariffin Wan Ibrahim | Penolong Setiausaha (Penyelaras) | Parlimen |

| Bil. | Terma Rujukan / Ahli Jawatankuasa | Nama | Jawatan | Agensi |
|---|---|---|---|---|
| **4.** | Memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)<br>a. YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah)<br>b. YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai) | **1. Suhaimi Haji Saudi** | **Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia) (Agensi Teraju)** | **SPR** |
| | | 2. Pn Maimon Md. Yassin | Timbalan Setiausaha (Bahagian Pendaftaran dan Pertubuhan) | KDN |
| | | 3. Pn Junipah bt Wandi | Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan | SPRM |
| | | 4. SAC Hasanudin Hasan | Ketua Penolong Pengarah Perjawatan, Jabatan Pengurusan | PRDM |
| | | 5. Che Seman Pa Chik | Setiausaha Bahagian (Penyelaras) | Parlimen |
| **5.** | Mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihanraya<br>a. YB Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju)<br>b. YB Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) | **1. Mohamed Mokhtar Ahmad** | **Pegawai Latihan Akademi Pilihan Raya (Agensi Teraju)** | **SPR** |
| | | 2. Ruslan Alias | Penolong Pengarah Kad Pengenalan | JPN |
| | | 3. SAC Abdul Hamid Mohd Ali | Komander Pasukan Simpanan Persekutuan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri / Ketenteraman Awam | PDRM |
| | | 4. J. Indra a/p C. Jeyarajah | Ketua Penolong Setiausaha | MinDef |
| | | 5. Daniel Dajin | Penolong Penguasa | SPRM |
| | | 6. Anzurin Ignatius | Penolong Setiausaha | KLN |
| | | 7. Hj Abdul Rauf Jamalis | Ketua Penolong Pengarah | Penerangan |
| | | 8. Pn Hamidah bt Nazri | Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan | SPRM |
| | | 9. Mohd Ikram Rahimi | Penolong Setiausaha Kanan (Penyelaras) | Parlimen |

**Isu–Isu Yang Dibangkitkan Dalam Pendengaran Awam Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya**

13. Perkara-perkara utama yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat dan pendengaran awam yang telah diadakan adalah seperti berikut:

13.1 Jawatankuasa Kecil Meneliti Undang-undang dan Peraturan Berkaitan Dengan Pilihan Raya Malaysia

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 11.11.11 | | **Penggunaan dakwat kekal (Indelible ink)** | Bagi maksud penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*) dalam proses pengundian bagi mengelakkan tuduhan mana-mana orang dalam pilihan raya yang sama mengundi lebih daripada sekali SPR memaklumkan bahawa pindaan hanya perlu dibuat kepada peraturan berhubung dengan pilihan raya sahaja tanpa perlu meminda Perlembagaan Persekutuan. | Dalam mesyuarat ini, Jawatankuasa memohon PUU SPR untuk mendapatkan draf cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Penjalanan Pilihanraya) 1981 daripada Jabatan Peguam Negara secepat mungkin. |
| | | 1. Encik Badrul Hisham bin Badrudin [Majlis Belia Selangor] | Kegunaan ink pengesahan semasa mengundi. | | |
| | | 2. Datuk Ei Kim Hock [Parti MCA] | Berhubung dengan penggunaan dakwat pengesahan, kedudukan ataupun MCA berkecuali dalam perkara ini. | | |
| | | 3. Encik Dhinesh Thinakaran [Pergerakan Putera Parti MIC Negeri Selangor] | Pertama - Penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*). Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, isu *phantom voters* sering diperkatakan apabila topik pilihan raya dibincang. Untuk menamatkan segala kemusykilan dan spekulasi | SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan cara pengundian akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | serta memberikan keyakinan kepada rakyat, Pergerakan Putera MIC Selangor ingin mencadangkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya sebagai satu langkah mereformasikan proses pilihan raya. Kami berpendapat langkah sedemikian akan mendemonstrasikan aspirasi kerajaan untuk memastikan ketelusan pilihan raya dan sekali gus mengatasi isu pengundi hantu. | | |
| | 12.11.11 | 4. YBhg. Datuk S. Ambiga | Setuju penggunaan dakwat kekal. | | |
| | | 5. Dr. Ng Kwee Boon | *Aside from that, we think that there is need for more transparent way of voting and the indelible ink sound to us, doctors, as a good way.* | | |
| | | 6. Encik Lim Chee Wee [Majlis Peguam Malaysia] | *If you are going to amend the Federal Constitution to* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *include provision for indelible ink, what else you need to include in there? You must also take entire Elections Offences Act and all its regulations and put inside the Federal Constitution. So, I really strongly take the view that there is no need to make the amendment* | | |
| | 25.11.11 | 7. YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [Parti Maju Sabah (SAPP)] | Last daripada saya ini ialah pasal *indelible ink*. Kalau ini boleh dilaksanakan di Sabah<br><br>*Indelible ink* ada banyak jenis. Saya rasa kalau ada *indelible ink* ada dibuat, *at least* pengundi hantu dia mengundi satu kalilah, tidak boleh dua kali atau lima kali. Kalaupun ada itu orang yang pengundi hantu ataupun pengundi yang sah – dia mungkin dalam poket dia ada lima | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | IC, gambar dia tapi nama lain, bukan? Jadi kalau pakai *ink*, dia tipu satu kalilah. Kalau tidak pakai *ink*, dia boleh tipu banyak kali. Betul, bukan? *That's why we have the ink* | | |
| | | 8. Encik Taufick bin Hj. Ruschi [Parti Keadilan Rakyat Sabah] | Kemudian undang-undang Malaysia, Akta 19, Akta Pilihan Raya 1958 - Perjalanan iaitu mengenai dengan sistem mengundi kita, kertas-kertas undi diedarkan itu saya sangat bersetuju supaya SPR atau Kerajaan Malaysia pada hari ini menguatkuasakan serta-merta penggunaan dakwat. | | |
| | | 9. YBhg. Datuk Wilfred Tangau [Parti UPKO] | Sebab itu UPKO menyokong supaya penggunaan dakwat itu digunakan dan asas kita ialah biometrik itu okey. Kita tidak tahu sama ada *government* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | sudah bersedia untuk menggunakan biometrik tetapi biometrik ini menggunakan apa nama, tenaga elektrik. Jadi, di tempat-tempat yang bermasalah eletrik, terutama sekali di Sabah yang selalu ada *blackout*, ini satu masalah. *So,* kita menyokong penggunaan dakwat untuk mengelakkan pengundi-pengundi daripada mengundi dua kali ya. | | |
| | | 10. Dr. Edwin @ Jack Bosi [DAP Sabah] | Jadi *like wise in* Sabah saya rasa *it will give credence and confidents kepada* rakyat dalam proses *election* ini *if the ink is been use. So the use of the ink will detect any person definitely who will vote twice.* | | |
| | | 11. YBhg. Datuk Teo Chee Kang [Parti LDP] | Ketiganya Tuan Pengerusi, ahli-ahli panel yang dihormati sekalian ialah | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | mengenai *indelible ink* iaitu dakwat yang dikatakan kekal tetapi bukanlah kekal selama-lamanya, mungkin hanya untuk beberapa hari. Pihak LDP menyokong penggunaan *indelible ink* ini berpandu kepada prinsip yang saya katakan pada permulaan penghujahan saya di mana proses pilihan raya ini perlulah bukan sahaja dikendalikan dengan secara adil, saksama dan transparensi, tetapi perlulah dilihat sebagai satu proses yang adil, saksama dan transparensi kepada semua pihak. Jadi, berpandu kepada prinsip itulah pihak LDP menyokong penggunaan *indelible ink* ini. Sebelum ini saya rasa ada juga kekhuatiran bahawa untuk mengimpleme | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | ntasikan *indelible ink* ini, ada kemungkinan bahawa ada keperluan untuk meminda peruntukan-peruntukan di Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi bagi pendapat saya, saya rasa ia boleh dilakukan. Cuma melalui pindaan akta-akta yang tertentu dan juga peraturan-peraturan yang tertentu sahaja. Jadi *on this issue, LDP fully support the use of indelible ink.* | | |
| | | 12. Encik Raunis Kandoi [Pertubuhan Kelahiran Murut Peribumi Sabah (BORNEO)] | BORNEO bersetuju penggunaan dakwat kekal atau *indelible ink* ini. Ini akan dapat membanteras dua kali atau *double voting.* | | |
| | 26.11.11 | 13. Encik Mohd. Aminuddin bin Aling [Parti PAS Sabah] | PAS Sabah meminta Suruhanjaya Pilihan Raya mengguna pakai penggunaan dakwat kekal dalam proses perjalanan | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Pilihan Raya Ke-13 dengan syarat sama ada meletakkan kelingking jari iaitu satu buku ada ruas, satu ruas jari ini nampak ruas ataupun ibu jari mestilah diletakkan di situ dakwat kekal. Itu permintaan daripada PAS Sabah untuk pilihan raya yang ke-13 ini | | |
| | | 14. Datuk Verus Aman Sham | Mencadangkan penggunaan dakwat kekal dalam pillih raya. | | |
| | | 15. Encik Marsidi Katong [PERKEMAS] | Tidak bersetuju dengan penggunaan dakwat kekal. | | |
| | | 16. Encik Jurin Gunasalam | Bersetuju dengan penggunaan dakwat kekal berbanding biometrik atas sebab lebih praktikal. | | |
| | | 17. Encik Ronnie Rusikan [Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS)] | Setuju penggunaan dakwat kekal. | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 2. | 11.11.11 | 1. Encik Badrul Hisham bin Badrudin [Majlis Belia Selangor]<br><br>2. Datuk Ei Kim Hock [Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat, MCA] | **Pengundian Luar Negara (*Oversea Voting*) [Pengundi Tidak Hadir Luar Negara]**<br><br>Mengundi di luar negara. Bukan dari kategori pengundi pos. Soalan saya, bagaimanakah SPR akan memantau seseorang itu tidak memiliki dwi kewarganegaraan ataupun status penduduk tetap jika ianya akan dilaksanakan;<br><br>Pengundian daripada luar negara itu tidak harus dibenarkan. Kami memandang serius perkara ini kerana yang pertama, mereka yang duduk di luar negara ini adalah ketinggalan zaman ataupun tidak dapat terus berdamping dan mengenali tentang | SPR memaklumkan bahawa pengundi tidak hadir luar negara yang ditetapkan dalam undang-undang sedia ada adalah kakitangan awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar sepenuh masa di luar negara dan pasangan.<br>SPR akan mengkaji untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak.<br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pengundi tidak hadir luar negara akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | Jawatankuasa memutuskan supaya kategori pengundi pos diluar Negara dibuka pada semua pemastautin yang layak mengundi di luar Negara. Ini bermakna Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 di pinda dengan memasukkan suatu peruntukan 3(1)(g) dalam yang menyatakan bahawa pemastautin warganegara Malaysia yang layak mengundi adalah dibenarkan untuk mengundi secara pos di luar Negara.<br><br>Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa juga berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk mengadakan peruntukan berkenaan Akuan Berkanun (Statutory Declaration) bahawa pengundi tersebut berniat mengundi di luar Negara di konsulat Malaysia.<br><br>Jawatankuasa juga berpendapat bahawa SPR perlu mengadakan suatu peraturan berkenaan |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | kejadian seharian di negara kita, dan kebanyakan daripada mereka ini harus mendapat serba sedikit pengetahuan mengenai dengan negara kita hanya melalui saluran-saluran tertentu, sama ada yang rasmi ataupun tidak rasmi dan kebiasaannya kami berpandangan bahawa maklumat yang mereka perolehi itu adalah maklumat yang kami kira tidak melambangkan ataupun membayangkan keadaan sebenar, dan kedudukan sebenar negara kita. | | pengudian pos bagi warganegara Malaysia di luar Negara. |
| | | 3. Dr. Venkates Rao [Ahli, Putera MIC Selangor] | Pengundian untuk rakyat Malaysia yang menetap di luar negara di mana buat masa ini tidak ada kemudahan yang disediakan | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | oleh pihak SPR dan juga pihak kedutaan Malaysia ataupun pihak konsulat bagi kami pelajar ataupun rakyat Malaysia yang menetap di sana. Oleh itu saya menyeru kepada pihak SPR dan juga pihak Kerajaan untuk menyediakan kemudahan bagi mengundi bagi pihak pelajar dan juga rakyat yang menetap di luar negara. | | |
| | 12.11.11 | 4. Tan Sri Ramon Navaratnam [The Association for the Promotion of Human Rights] | *Overseas voted Sir become sensitive point. We got nearly one million Malaysians and they all professional and mostly highly educated, to denied them to vote as Malaysian citizens is really dilation of duty and I think we owe to them and they owe to us to have the privileges to vote as citizens.* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5. YB Puan Janice Lee Ying Ha [DAPSY] | Setiap warga Malaysia mempunyai hak untuk memilih wakil-wakil mereka termasuk juga wakil yang sedang bekerja atau belajar di luar negeri. Jadi sistem yang sedia ada sekarang tidak memberi peluang kepada beratus-ratus ribu rakyat Malaysia yang berada di luar negeri untuk menunaikan hak mereka. Oleh itu, kita mencadangkan supaya mereka diberikan kelayakan untuk mendaftar sebagai pengundi tidak hadir dan seterusnya membuang undi mereka melalui pengundian pos atau kalau ada cadangan lain. Ini akan memastikan *disenfranchisement* ataupun pencabulan hak pengundi tidak berlaku kepada ratusan ribu rakyat | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Malaysia yang tinggal dan bekerja di negara-negara lain. | | |
| | | 6. Dr. Shawn Tan | Membangkitkan proses pendaftaran pelajar untuk mengundi di luar negara | | |
| | | 7. Dr. Ng Kwee Boon | *I mean as* warganegara, *in fact Malaysia has got many citizen working or studying overseas providing good quality services for others people, a lost to our country, who obviously should have a say in who runs the country in the future, and I think a postal vote which is practiced by many others countries should be allowed. The mechanism should not be that difficult. The legal aspect certainly is something that can be easy in and out.* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | 25.11.11 | 8. YBhg. Datuk Wilfred Madius Tangau [Parti UPKO] | Pihak SPR bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan logistik bagi mereka untuk mengundi. Terutama sekali bagi mereka yang berada di luar negara. Jadi, seperti mana dalam peraturan SPR di mana pengundi-pengundi kaki tangan kerajaan yang bertugas di kedutaan-kedutaan dan sebagainya diberi tempat-tempat untuk mengundi, kemudahan untuk mengundi, tidak ada sebab kenapa pengundi-pengundi yang lain itu tidak dapat mengundi di tempat-tempat sama ada di kedutaan-kedutaan dan sebagainya. Itu pendirian kita. | | |
| | | 9. YBhg. Datuk Teo Chee Kang [Parti LDP] | Keduanya iaitu mengenai undi warganegara yang bermastautin | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | di luar negeri iaitu *overseas voter*. Memang mengikut peruntukan-peruntukan di Perlembagaan Persekutuan, hak setiap warganegara ini memang termaktub bahawa sekiranya mereka mendaftar sebagai pengundi, mereka berhak mengundi di pilihan raya di Parlimen dan juga di Dewan Undangan Negeri. Akan tetapi, seseorang itu mempunyai hak mengundi tetapi dia juga berhak tidak pergi mengundi. Ini pandangan saya. Warganegara di luar negeri ini, mereka memang berhak. Ini memang tidak boleh dipertikaikan. Pendirian LDP ialah bahawa mereka perlu diberi hak. Mereka perlu jika secara logistiknya tidak begitu membebankan SPR, mereka | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | perlulah diberi hak, diberi kesempatan supaya mereka juga dapat mengundi, menunaikan tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia. Cuma yang kami khuatir ialah secara logistik mungkin adalah suatu tanggungjawab dan beban yang begitu berat dan mungkin tidak begitu praktikal untuk pihak SPR untuk menyediakan fasiliti-fasiliti mengundi ini di setiap negara di mana adanya warga Malaysia. | | |
| | | 10. Encik Daniel John Jambun (Borneo Heritage Foundation) | *All Malaysian citizen have a constitution right to vote, given that overseas voters represent 1 million out of total electoral or 15, 16 million Malaysian voters. The additional cost and effort* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *overseas postal voting is surely justified. See because I raise is because some… it is been mentioned by the SPR data. It is some, a burden to let this some overseas voters to vote due to expenses. It will be stated, but again expenses should not be an excuse some to counter this some constitutional right to vote. So on this some election workers some voters* | | |
| | 26.11.11 | 11. Encik Marsidi Katong [PERKEMAS] | Tidak setuju dengan pengundian luar Negara. | | |
| | | 12. Encik Wong Piang Yow | Mencadangkan pengundian luar Negara dibenarkan di kedutaan. | | |
| 3 | 11.11.11 | | Pengundian dalam negara menggunakan cara undi pos | SPR memaklumkan bahawa pengundian pos menurut undang-undang sedia ada memang digunakan bagi pengundi tidak hadir yang berada dalam negara seperti anggota tentera, | |
| | | 1. Datuk Ei Kim Hock [Ahli Jawatankuasa Tertinggi | Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kami juga | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Pusat, MCA] | berpendapat bahawa sistem undi pos yang diamalkan sekarang harus dikekalkan kerana sistem ini adalah sistem yang terpakai dan juga digunapakai oleh negara-negara maju. Lagi pun sistem ini sudah menjadi satu sistem yang dikenali dan juga telah pun difasihi oleh petugas serta oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan saya berpendapat, dan MCA berpendapat bahawa sistem ini haruslah kita terus amalkan. | polis dan pasangannya.<br><br>Apa-apa cadangan untuk memperluas kategori orang yang boleh mengundi secara pos perlu dikaji dan akan melibatkan pindaan undang-undang. | |
| | 12.11.11 | 2. Dr. Wong Chin Huat | *One reform is actually on eligibility the other one is on conduct. On eligibility we suggest that postal voting to be extended to three groups of people. Firstly, of all the military and police voters this already had been in the list;* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *second, to all oversea voters; and thirdly, domestic voters.*<br><br>*All Malaysian is expected to be out of their constituency on poling day and at least 250 kilometers away from the nearest closest voting center. So, we are saying people who are far away from their constancy they should be able to vote.* | | |
| | 25.11.11 | 3. Encik Adris bin Taripin | Saya berpandangan memang benar seluruh warganegara Malaysia ini dibenarkan mengundi apabila pilihan raya. Jadi kita benarkan di mana-mana negeri berada di mana-mana negeri di Malaysia ini baik Sabah, Semenanjung atau Sarawak boleh mengundi di tempat itu dengan cara dan kaedah yang betul. Maksud dia itu, dia | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | diizinkan mengundi di tempat itu tanpa nama dia berada di sana. Biasanya nama tertinggal di negeri itu tetapi dia berada di sini. Jadi kaedah dia dengan kebenaran.Ini undi terbuka. Kita beri dia undi terbuka dia boleh mengundi pada masa pengundian itu. | | |
| | | 4. Encik Raunis Kandoi [Pertubuhan Kelahiran Murut Peribumi Sabah (BORNEO)] | Ketiganya ialah undi pos. Undi pos ialah undi awal bagi anak Sabah yang bekerja di Semenanjung. Terdapat sebilangan besar rakyat Sabah 40,000 atau 60,000, satu bilangan yang agak besar bekerja di Semenanjung khususnya di Johor, Selangor dan Pulau Pinang. BORNEO berpendapat sebilangan besar daripada angka ini adalah layak dan berhak | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | untuk membuang undi kepada calon-calon yang mereka sukai. Maka ada baiknya sekiranya SPR menyediakan suatu mekanisme kaedah yang baik agar mereka boleh mengambil langkah dalam proses mengambil bahagian dalam pilihan raya, mungkin tidak perlu balik ke Sabah atau SPR menggunakan satu tong undi di sana. Biar mereka mengundi di sana dan kira di sana. Terpulanglah kepada kebijaksanaan | | |
| | | 5. Encik Osman bin Simpo | Saya hanya hendak mencadangkan satu *point* sahaja. Di sini saya mencadangkan supaya SPR bekerjasama dengan Parlimen Malaysia menubuhkan perwakilan negeri-negeri di mana fungsinya | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | seakan-akan sama seperti duta-duta negara-negara asing di Malaysia ini, kerana seperti yang panel sedia maklum, ramai orang-orang negeri yang bermastautin di negeri lain seperti saya sendiri yang berasal daripada Sarawak dan bekerja dan bermastautin di negeri Sabah, malah ada beberapa orang dari negeri-negeri seperti Kelantan, Johor, Selangor dan sebagainya yang turut bekerja di Sabah.<br>Saya mencadangkan supaya diwujudkan perwakilan seperti contoh perwakilan Sarawak di Kota Kinabalu untuk memudahkan semua orang Sarawak yang bekerja dan bermastautin di Sarawak dibenarkan mengundi di satu tempat di | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Kota Kinabalu. Sama juga di Johor di mana saya rasa ramai orang-orang Sarawak yang bekerja dan bermastautin di Johor. Mereka tidak perlu balik dan hanya mengundi di Johor Baharu. | | |
| | 26.11.11 | 6. Encik Armizan bin Mohd Ali [Ketua Pemuda UMNO (Bahagian Papar) | Yang kelima ialah mungkin pernah disebut juga *but we want to reiterate* tentang hak kepada Sabahan dan Sarawakian *in* Semenanjung Malaysia. Kalau kita bersungguh-sungguh mahu memastikan *those* di seberang laut boleh mengundi kerana kos dia mahu balikkah, ada hak mereka untuk mengundi, *I think the same goes to* Sabahan dan Sarawakian yang berada di Semenanjung Malaysia. Kita bagi peluang kepada mereka tanpa perlu balik ke | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>7. Encik Ronnie Rusikan [Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS)]<br><br><br><br><br><br><br>8. Cik Lau Shu Shi | Sabah untuk mengundi di kampung asal masing-masing iaitu kawasan Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen masing-masing<br><br>Setuju supaya undi pos diberikan kepada pengundi Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung<br><br>Setuju supaya mereka yang berada 250km dari kawasan pengundian mereka dibenarkan mengundi secara pos | | |
| 4 | 11.11.11 | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>1. Encik Loh Kong Seng [Society of the Blind] | **Cadangan untuk memudahkan golongan pengundi yang berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU)**<br><br>Meluaskan golongan pembantu keluarga terdekat kepada pembantu yang boleh | SPR memaklumkan bahawa undang-undang yang sedia ada, khususnya subperaturan 19(7) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 membenarkan saudara terdekat sahaja iaitu bapa, ibu, abang atau adik lelaki, kakak atau adik perempuan, isteri, suami, anak lelaki atau anak perempuan yang dapat membantu | Jawatankuasa memutuskan supaya Peraturan 19(7) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan raya) 1981 dipinda dengn meluaskan maksud “saudara” termasuk rakan-rakan.<br><br>Ini bagi membolehkan sesiapa sahaja membantu OKU dalam mengundi. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | dipercayai oleh pengundi OKU penglihatan. Pertubuhan kita telah menghantar permintaan ini kepada Suruhanjaya dua kali. Namun begitu jawapan yang diterima ialah, ia memerlukan pindaan Parlimen. Dengan ini, ia akan memastikan undi yang dihasratkan oleh pengundi OKU penglihatan - yang diikuti oleh pembantu tersebutlah; dan<br><br>menyediakan satu kaedah di mana pengundian boleh dijalankan betul-betul secara rahsia seperti e-undi. | pengundi OKU menandakan kertas undi.<br>SPR akan mengkaji jika perlu untuk menambah kategori lain bagi membolehkan orang yang dipercayai oleh seseorang pemilih OKU selain kategori sedia ada bagi membantu menandakan kertas undi bagi pihaknya selain saudara terdekat.<br>Apa-apa perubahan kepada kategori orang yang boleh membantu OKU akan melibatkan pindaan undang-undang. | |
| | 12.11.11 | 2. YBhg. Datuk Khaw Lake Tee [SUHAKAM] | SUHAKAM ingin mencadangkan berkenaan dengan hak pengundian sejagat iaitu orang kurang upaya (OKU) dan Orang Asli dan juga warga emas mempunyai | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | hak untuk mengundi. Justeru itu, adalah disyorkan agar pusat pembuangan undi mudah diakses oleh bukan sahaja OKU dan warga emas, tetapi oleh Orang Asli juga di kawasan terpencil yang mesra OKU dan kertas undian Braille disediakan kalau belum disediakan lagi untuk orang cacat penglihatan. | | |
| | 26.11.11 | 3. YB. Datuk Seri Eric E. Majimbun [Parti SAPP] | Mencadangkan supaya rakan yang dipercayai oleh seorang Pengundi OKU dibenarkan untuk membantu OKU itu membuang undi. | | |
| 5 | | YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] | **Penguatkuasaan Peraturan 15 Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990**<br><br>**Penguatkuasaan Peraturan 25(fa) Peraturan-Peraturan Pendaftaran** | JPN memaklumkan bahawa memang terdapat undang-undang yang menghendaki mana-mana orang yang berniat untuk mendiami sesuatu tempat kediaman untuk tempoh 90 hari atau lebih untuk membuat permohonan | Jawatankuasa mencadangkan supaya penguatkuasaan dibuat kepada Peraturan 15 dan penalti di bawah Peraturan 25 dikenakan kepada sesiapa yang mematuhi peraturan tersebut. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | **Negara 1990** | penukaran alamat di kad pengenalan.<br><br>Walau bagaimanapun JPN mendapati bahawa peruntukan yang sedemikian sukar dikuat kuasakan kerana faktor manusia. | |
| 6 | | YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] | **Dalam usaha untuk menambahbaik proses Pilihan raya, maka supaya satu kajian menyeluruh di buat kepada Akta dan Peraturan yang berikut:**<br><br>**Printing Presses and Publication Act 1984 [Akta 301];**<br><br>**Akta Polis 1967 [Akta 344];**<br><br>**Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] ; dan**<br><br>**Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990** | SPR memaklumkan bahawa undang-undang yang dibangkitkan bukan berada di bawah bidang kuasanya.<br><br>Walau bagaimanapun SPR mengambil maklum mengenai perkara ini.<br><br>Apa-apa saranan berhubung dengan undang-undang yang diberikan itu hendaklah dibuat kepada pihak yang mempunyai bidang kuasa menguatkuasakan undang-undang itu dan SPR sedia berunding dengan pihak-pihak tersebut bagi memastikan penjalanan pilihan raya berjalan lancar di bawah undang-undang. | Jawatankuasa mendapati bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji Akta dan Peraturan yang tersebut. Ini kerana Jawatankuasa berpendapat bahawa peruntukan dalam Akta dan Peraturan tersebut perlu disinergikan bersama pindaan lain yang berkaitan dengan Pilihan raya.<br><br>Disebabkan peruntukan tersebut adalah bersifat teknikal maka Jawatankuasa berpendapat perlu dijalankan kajian yang lebih terperinci dan seterusnya mendapatkan maklum balas daripada pihak yang berkepentingan sebelum apa-apa dapatan dapat dibuat oleh Jawatankuasa ini. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 7 | 12.11.11 | 1. YB Dato' Seri Mohd Radzhi Sheikh Ahmad<br><br>2. Encik Wong Piang Yow | **Penandaan seragam tanda undi pada kertas undi.**<br><br>Untuk mengelakkan masalah kekeliruan tanda di kertas undi, maka hanya tanda X yang boleh digunakan dan boleh dikira sebagai undi sah.<br><br>*The KTM shall use its discretion to determine the hindsight of the voter. And from there, the SPR come out with a guide book, 'Undi Ragu' that identify 31 different ways that a ballot paper can be valid including a dot. So a simple process with so well define in the law had been made so confusing and that's why a lot of time on an argument is wasted in the counting station over simple issue. So, we suggest this book on the valid ballot to* | SPR memaklumkan bahawa undang-undang sedia ada memberi arahan untuk pengundi menandakan tanda X di sebelah kanan kertas undi bersetentangan dengan nama calon.<br><br>Walau bagaimanapun apa-apa tanda yang dibuat oleh pengundi di sebelah kanan kertas undi bersetentangan dengan nama calon yang menunjukkan niat dia memilih seseorang calon itu akan diambil kira semasa undi ragu diputuskan.<br><br>SPR mengambil maklum dan akan mengkaji cadangan ini. | Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk dipinda peraturan berkaitan penandaan dalam kertas pengundian.<br><br>Ini bagi mengelakkan kekeliruan dalam mengesahkan kertas undi. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *remove it and only a cross in the box provided, because it is also suppose to be shown at the door when you enter.* | | |
| 8 | 12.11.11 | 1. Encik Wong Piang Yow | **Kedudukan dan posisi “polling agent” dalam kawasan mengundi.**<br><br>*Admittance to poling station the regulation currently provide for Returning Officer and any officer on poling towards anywhere they like. Now this is double provision because in the postal voting, clause regulation 3 they are already given a postal vote. Why are they being offered another vote in this case? So my suggestion is removed this clause. If you going to polling station you find the screen this high two fit. Unfortunately I’m not ever show a power point but I’m* | SPR mengambil maklum terdapatnya keraguan daripada ejen-ejen tempat mengundi bahawa susun atur yang sedia ada tidak membolehkan mereka mengenal pasti dengan lebih jelas pengundi yang hadir.<br>SPR akan mengkaji susun atur dalam tempat mengundi (saluran) bagi membolehkan ejen tempat mengundi mengenal pasti dengan lebih jelas pengundi yang hadir untuk mengundi. | Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk menyatakan dengan jelas kedudukan dan posisi seseorang polling agent dalam kawasan mengundi. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *sure you can imagine two feet high screen to watching. Why is necessary?*<br><br>*This is too high so, my suggestion is to rotate the 180 degrees so the candidate's agent can see the back of the voters. The current worried is voters may take ballot paper or they take additional paper and stuff into the ballot box*<br><br>*Then the other thing is the current poling agents are sitting a few feet away from the* SPR *Clerk. When the clerk takes the* MyKad *and read, the Poling Agent can only see the back of the voter. Our suggestion is that the police agency decides the clerk so that they can look at the face of the water well he is been check. This will help the clerk in their* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *duties. The next thing is the clerk one is the only clerk who has supposes to have a writing instrument. Clerk 2 and clerk 3 should not been having writing instrument because clerk 2 test the ballot paper, clerk 3 does for preparation. Our recommendati on is to split the three clerks the desk separate by six inches Clerk 2 and clerk 3 is not allowed to have any pencil or pen. So, that there is mysterious marking on the ballot paper.* | | |
| 9 | 11.11.11 | 1. Datuk Ei Kim Hock [Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat, MCA] | **Pendaftaran pemilih dibuat secara automatik bagi warganegara yang berumur 21 tahun**<br><br>Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kami juga berpendirian bahawa tidak sepatutnya | SPR memaklumkan bahawa bagi membolehkan pendaftaran automatik dilaksanakan maka Perenggan (b) Fasal (4) Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dan peraturan 12 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 serta peruntukan-peruntukan lain yang | Jawatankuasa berpendapat bahawa walaupun terdapat keperluan untuk pendaftaran sebagai pengundi secara automatik namun begitu perkara ini adalah bersifat teknikal dan kajian lanjut diperlukan sebelum Jawatankuasa boleh memberikan ulasan. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | diadakan pendaftaran secara automatik, kerana kami berpandangan bahawa sistem yang sedia ada, yang telah menawarkan peluang begitu banyak untuk rakyat Malaysia mendaftar sebagai pengundi pun tidak digunakan sepenuhnya oleh pengundi dan masa yang diberikan dalam tempoh yang begitu panjang pun tidak digunakan dengan sebaik mungkin, maka pendaftaran secara automatik yang mempunyai unsur paksaan ini, kalau sekiranya dilakukan pun, ia tidak akan mendatangkan sebarang hasil, lebih-lebih lagi ia akan merupakan satu pembaziran sumber kepada kerajaan | berkenaan hendaklah dipinda terlebih dahulu bagi mengadakan peruntukan berhubung dengan pendaftaran automatik. | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan keempat - Menjadikan pendaftaran pengundi automatik dengan kad pengenalan 21 tahun. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, untuk cadangan ini menjadi praktikal, ia memerlukan perubahan kepada dua entiti yang berbeza iaitu Jabatan Pendaftaran Negara dan Suruhanjaya Pilihan Raya. Buat masa ini kad pengenalan yang diperolehi pada umur 12 tahun perlu ditukar apabila warganegara menjangkau umur 18 tahun dan sebelum berumur 25 tahun. | | |
| | | 2. Encik Dhinesh Thinakaran [Ketua Pergerakan Putera MIC Negeri Selangor] | Kami mencadangkan kepada Jawatankuasa ini untuk menjadikan penukaran kad pengenalan tersebut pada umur 21 tahun dan sekali gus | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | dengan proses ini pendaftaran pengundi dilakukan supaya, kesemua pengundi yang berumur 21 tahun akan didaftarkan secara automatik. Mengundi itu adalah satu tanggungjawab yang penting untuk seseorang warganegara dan dianggarkan lebih daripada 30% pengundi yang layak tidak mendaftarkan diri pada pilihan raya yang lepas. Kami berasa jika cadangan ini diimplementasikan, maka ia mempermudahkan pengundi untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Dengan cara ini, parti-parti politik juga akan dibebaskan dari pembaziran wang dan masa dalam mengelolakan program-program mendaftarkan | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | pengundi. | | |
| | | 3. Encik P. Uthayakumar | Cadangan terakhir - *Automatic registration for all 21 and above, including those not only at 21 but wo are 40, 50 who are not registered also turut dijadikan pengundi.* | | |
| | | 4. Encik Lim Peng Hooi [Young Malaysians Movement] | Kami menyokong cadangan untuk mendaftarkan rakyat berumur 21 tahun secara automatik sebagai pra pengundi tetapi memandangkan kepada hak asasi perseorangan dan berhak untuk memilih dan maklumat individu yang mungkin tidak terkini dalam sistem MyKad, maka kami ingin mencadangkan bahawa ia perlu dilaksanakan dengan menambah proses pengesahan kepada pendaftaran tersebut. Proses | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | pengesahan ini akan mengesahkan sama ada individu tersebut menerima pendaftaran tersebut dan mengemaskinikan data beliau. Malahan juga dapat memberitahu individu tersebut tempat Parlimen dan DUN negeri didaftarkan dan juga menetapkan tempoh pengesahan tersebut selama enam bulan. Individu yang tidak mengesahkan pendaftaran akan dianggap tidak menerima pendaftaran tersebut. | | |
| | 12.11.11 | 5. YBhg. Datuk Khaw Lake Tee [SUHAKAM] | SUHAKAM juga mengesyorkan agar semua pengundi yang layak haruslah didaftar secara automatik setelah mencapai usia 21 tahun dan SUHAKAM mengambil perhatian apa yang telah dibincangkan | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | tadi berkenaan dengan perlunya pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan kalau ini dilakukan. | | |
| | | 6. Dr. Ng Kwee Boon | *Firstly, we hope that there will be, in fact I hope that there will be a system where whether we need to amend the Constitution – otherwise, we are not lawyers, so we don't know – that they should be mandatory registration of voters. We felt that the age of 21 was reasonable. It looks as it, there are many people who are 18 and above can sign many certificate* boleh undi jugalah*. But the point is that there should be mandatory registration instead of spending all the effort and money to get people registered.* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | 25.11.11 | 7. YBhg. Datuk Wilfred Madius Tangau [Parti UPKO] | Pada hari ini kami belum yakin lagi yang betul-betul *registration* ini sebab selagi projek IC belum selesai nanti kad-kad pengenalan haram pun boleh mendaftar secara automatik. Jadi, itu pokoknya. Kalau perkara ini dapat dibersihkan, kami bersetuju *automatic registration*. Asalkan pengundi-pengundi haram ini, pemegang IC haram ini kita boleh bersetuju. | | |
| | | 8. YB. Dr. Hiew King Cheu [Parti DAP Sabah] | *So be automatic, because JPN, SPR they have their online link now. They can gain access to what ever information they want. If JPN has got the record, SPR should be easily accessible to it and then that person can be voter at age when reach 21. That would not be any* | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | *problem* | | |
| | | 9. Encik Raunis Kandoi [Pertubuhan Kelahiran Murut Peribumi Sabah (BORNEO)] | BORNEO dalam *automatic registration* ini berpendapat tidak bersetuju dengan pendaftaran automatik apabila seseorang itu menjangkau 21 tahun disebabkan beberapa faktor yang akan memberi kesan yang buruk. | | |
| | | 10. Encik Webley Disim [Timbalan Ketua Pemuda Parti Bersatu Sabah] | Akhir sekali di dalam pandangan Pergerakan Pemuda, kami bersetuju supaya setiap yang berumur 21 tahun ke atas, yang sudah genap 21 tahun ke atas, agar didaftarkan secara automatik sebagai daftar pemilih dengan syarat pembersihan nombor-nombor kad pengenalan di negeri Sabah khususnya, terlebih dahulu dilaksanakan. | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | 26.11.11 | 11. Encik Mohd. Aminuddin bin Aling [Parti PAS Sabah] | Mencadangkan supaya menjadi keperluan semasa untuk pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi mereka yang berumur 21 tahun. | | |
| | | 12. Encik Marsidi Katong [PERKEMAS] | Setuju pelaksanaan pendaftaran mandatori pendaftar yang berumur 21 tahun. | | |
| | | 13. Encik Jurin Gunasalam | Tidak bersetuju pendaftaran ini buat di Sabah memandangkan keunikan Sabah daripada segi demografinya. | | |
| | | 14. Encik Ronnie Rusikan [Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS)] | Keempat adalah tentang automatik mengundi apabila sampai 21 tahun. Kami bersetuju cadangan ini dengan syarat ialah setelah buku daftar pemilih dibersihkan terlebih | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | dahulu. Sudah bersih baru kami setuju | | |
| 10 | 25.11.11 | | **Cadangan Penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat berhubung dengan daftar pemilih Sabah.** | | Perkara ini memerlukan penelitian yang terperinci oleh itu ia akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecil dalam mesyuarat akan datang. |
| | | 1. Encik Webley Disim [Timbalan Ketua Pemuda Parti Bersatu Sabah] | Cadangan Penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi meneliti Daftar Pemilih Sabah | | |
| | | 2. YBhg. Datuk Wilfred Madius Tangau [Parti UPKO] | Kami juga dalam UPKO meminta jawatankuasa ini supaya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja khusus untuk memurnikan daftar pemilih. | | |
| | | 3. YB. Datuk Seri Eric E. Majimbun [Parti SAPP] | Mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk meneliti daftar pemilih. | | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 4. Encik Jurin Gunasalam<br><br>5. Encik Ronnie Rusikan [Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS)] | Mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk meneliti daftar pemilih.<br><br>Setuju dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk meneliti daftar pemilih. | | |

13.2 Jawatankuasa Kecil Mengkaji Proses Pilihan Raya

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>12.11.11<br><br>12.11.11<br><br>25.11.11<br><br>25.11.11 | Majlis Belia Selangor<br><br>YB Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)<br><br>Putera MIC Selangor<br><br>Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM)<br><br>PROHAM<br><br>Datuk S.Ambiga<br><br>Parti Maju Sabah (SAPP)<br><br>PKR Sabah | Penggunaan Dakwat Kekal (*Indelible Ink*) | Bagi maksud penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*) dalam proses pengundian bagi mengelakkan tuduhan mana-mana orang dalam pilihan raya yang sama mengundi lebih daripada sekali SPR memaklumkan bahawa pindaan hanya perlu dibuat kepada peraturan berhubung dengan pilihan raya sahaja tanpa perlu meminda Perlembagaan Persekutuan.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan cara pengundian akan melibatkan pindaan kepada undang- | Jawatankuasa ini mengambil maklum bahawa undang-undang sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kecil Meneliti Undang-Undang dan Peraturan Yang Berkaitan Dengan Pilihan Raya yang dipengerusikan oleh YB Kangar dan YB Wangsamaju.<br><br>Jawatankuasa ini berpendapat bahawa penggunaan dakwat kekal boleh dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) setelah Parlimen meluluskan Usul berkaitan penggunaan dakwat kekal. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | 25.11.11<br><br>26.11.11<br><br>26.11.11 | Pertubuhan Kelahiran Murud Pribumi Sabah (Borneo)<br><br>Dato' Verus Aman Shah (individu)<br><br>Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Sabah (PERKEMAS) | | undang yang berkaitan. | Jawatankuasa juga berpendapat bahawa sebelum pelaksanaan dakwat kekal semua aspek tentang dakwat kekal perlu diambil perhatian, ini termasuk kualiti dakwat kekal dan peraturan berkaitan dakwat kekal. |
| 2. | 11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>12.11.11<br><br>12.11.11<br><br>25.11.11 | MCA<br><br>YB Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah)<br><br>YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)<br><br>Annie Ooi Siew Lan (Individu)<br><br>Putera MIC Malaysia<br><br>Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM)<br><br>PROHAM<br><br>SUHAKAM<br><br>Pemuda PAS<br><br>Parti Maju Sabah (SAPP) | Undi awal bagi Pengundi Tidak Hadir (Tentera dan Polis) | SPR bercadang memperkenalkan pengundian awal kepada anggota tentera dan pasangan, anggota polis serta pasangan Polis PGA yang berada dalam kem. Proses pengundian awal akan dikendalikan oleh petugas SPR sama seperti pengundian biasa.<br><br>Bagi mereka yang bertugas di perbatasan atau beroperasi yang tidak dapat mengundi awal mereka boleh memohon untuk mengundi secara pos. | Jawatankuasa berpendapat bahawa pengundian awal patut diperluaskan kepada petugas media, kategori perkhidmatan kecemasan seperti petugas hospital, bomba dan komunikasi. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | 25.11.11<br><br>25.11.11<br><br>26.11.11<br><br>26.11.11 | PKR Sabah<br><br>Pertubuhan Kelahiran Murud Pribumi Sabah (Borneo)<br><br>Dato' Verus Aman Shah (individu)<br><br>Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Sabah (PERKEMAS) | | | |
| 3. | 11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>12.11.11<br><br>26.11.11 | Majlis Belia Selangor<br><br>MCA<br><br>YB Tuan Loke Siew Fook(Rasah)<br><br>PROHAM<br><br>Dr. Sean Tan (individu)<br><br>PAS Cawangan Sabah | Pengundi Tidak Hadir perlu diperluaskan kepada semua warganegara di luar negara yang layak. | SPR memaklumkan bahawa pengundi tidak hadir luar negara yang ditetapkan dalam undang-undang sedia ada adalah kakitangan awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar sepenuh masa di luar negara dan pasangan.<br>SPR akan mengkaji untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak.<br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pengundi tidak hadir luar negara akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 4. | 11.11.11<br><br>12.11.11<br><br>25.11.11<br><br>26.11.11 | PROHAM<br><br>DAP<br><br>United Pasok-momogun Organisation (UPKO)<br><br>Dato' Verus Aman Shah (individu) | Persempadanan semula bahagian pilihan raya perlu dibuat secara lebih telus. | SPR dalam melaksanakan kajian semula persempadanan sentiasa merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan. Prinsip yang digunakan dalam menentukan kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya adalah berdasarkan kepada Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan iaitu:<br>(a) Tidak merentasi sempadan negeri;<br>(b) Kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya itu;<br>(c) Pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya perlulah lebih kurang sama banyak kecuali ada kesulitan tertentu; dan<br>(d) Mengekalkan aspek perhubungan setempat. | Jawatankuasa berpendapat bahawa isu persempadanan semula kawasan pilihan raya perlukan kajian lanjut dan sehingga kajian ini dimuktamadkan maka peraturan yang sedia ada adalah terpakai serta memadai. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 5. | 11.11.11 | Society of the Blind | Kemudahan mengundi bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu dipertingkatkan. | SPR memaklumkan bahawa undang-undang yang sedia ada, khususnya subperaturan 19(7) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 membenarkan saudara terdekat sahaja iaitu bapa, ibu, abang atau adik lelaki, kakak atau adik perempuan, isteri, suami, anak lelaki atau anak perempuan yang dapat membantu pengundi OKU menandakan kertas undi.<br>SPR akan mengkaji jika perlu untuk menambah kategori lain bagi membolehkan orang yang dipercayai oleh seseorang pemilih OKU selain kategori sedia ada bagi membantu menandakan kertas undi bagi pihaknya selain saudara terdekat.<br>Apa-apa perubahan kepada kategori orang yang boleh membantu OKU akan melibatkan pindaan undang-undang | Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat peruntukan berkenaan dengan mereka yang membantu OKU untuk membuang undi pada hari pengundian dalam sesuatu pilihan raya khususnya bagi pengundi yang mengalami kecacatan fizikal yang tidak membolehkan pengundi mengundi sendiri.<br><br>Jawatankuasa difahamkan bahawa hanya saudara kepada OKU itu yang boleh membantu untuk membuang undi.<br><br>Jawatankuasa berpendapat bahawa perkataan saudara ini diperluaskan kepada individu-individu lain.<br><br>Jawatankuasa juga berpendapat SPR menetapkan panduan bagi melaksanakan proses ini dan mereka diberikan hak untuk mengundi awal. |
| 6. | 11.11.11<br><br><br>12.11.11<br><br>12.11.11 | Majlis Belia Selangor<br><br><br>SUHAKAM<br><br>Datuk S.Ambiga | Akses kepada media semasa berkempen perlu diberikan secara sama rata kepada semua pihak | SPR mengambil maklum akan perkara ini. Walau bagaimanapun perkara ini berada di luar bidang kuasa SPR khususnya | Jawatankuasa berpendapat pada masa ini akses kepada media oleh parti-parti politik untuk berkempen pada tempoh suatu |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | yang bertanding dalam pilihan raya. | undang-undang yang berhubungan dengan akses kepada media bukan berada di bawah bidang kuasa SPR.<br><br>Apa-apa saranan berhubung dengan kuasa yang melibatkan undang-undang itu hendaklah dibuat kepada pihak yang mempunyai bidang kuasa menguatkuasakan undang-undang itu dan SPR sedia berunding dengan pihak-pihak tersebut bagi memastikan penjalanan pilihan raya berjalan lancar di bawah undang-undang. | pilihan raya adalah tidak mencukupi. Oleh yang demikian, Jawatankuasa berpendapat akses kepada media sama ada media arus perdana atau media alternatif perlu dibuka kepada semua parti politik.<br><br>Kuasa untuk mengawal selia perkara ini perlu terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan atau Kementerian yang bertanggungjawab kepada media.<br><br>Jawatankuasa juga mencadangkan supaya bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). |
| 7. | 11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>12.11.11<br><br>25.11.11 | MCA<br><br>Putera MIC Selangor<br><br>PROHAM<br><br>Putera MIC Kuala Lumpur<br><br>Pertubuhan Kelahiran Murud Pribumi Sabah (Borneo) | Tempoh Berkempen Dipanjangkan Kepada 21 Hari | SPR akan mengkaji keberkesanan memanjangkan suatu tempoh berikempen dengan mengambil kira pandangan semua pihak yang terlibat dengan kempen pilihan raya. | Jawatankuasa berpendapat bahawa tempoh berkempen yang sedia ada adalah memadai dan peraturan sedia ada sudah mencukupi untuk memberikan semua pihak masa untuk berkempen. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | 26.11.11 | Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Sabah (PERKEMAS) | | | |
| 8. | 11.11.11<br><br>12.11.11 | Transparency International<br><br>Datuk S. Ambiga | Perbelanjaan sepanjang tempoh pilihan raya perlu diaudit oleh pihak audit yang bebas dan bertauliah | Undang-undang sedia ada tidak memperuntukkan mengenai pengauditan perbelanjaan sepanjang tempoh pilihan raya.<br><br>Seksyen 23 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 hanya memperuntukkan berhubung dengan penyerahan penyata berkenaan dengan belanja pilhan raya dan penyataan oleh seseorang calon atau ejen pilihan rayanya.<br><br>Seksyen 24 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 memperuntukkan bahawa penyata berkenaan dengan belanja pilhan raya dan penyataan boleh diperiksa oleh mana-mana orang selama enam (6) bulan.<br><br>Berhubung dengan cadangan mengaudit perbelanjaan sepanjang tempoh pilihan raya perlu dikaji dari pelbagai sudut sebelum ia dapat dilaksanakan kerana ia akan melibatkan implikasi undang-undang. | Jawatankuasa berpendapat bahawa pengauditan perbelanjaan sepanjang tempoh pilihan raya memerlukan satu kajian lanjut untuk membolehkan perincian mengenai pelaksanaan perkara ini diputuskan oleh Jawatankuasa. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 9. | 11.11.11<br><br>12.11.11 | Transparency International<br><br>Datuk S. Ambiga | Kerajaan perlu menyediakan sejumlah perbelanjaan tertentu bagi semua parti politik untuk tujuan perbelanjaan berkempen dalam pilihan raya. | Undang-undang sedia ada tidak memperuntukkan mengenai penajaan belanja berkempen.<br><br>Berhubung dengan cadangan penajaan belanja berkempen, ia perlu dikaji dari pelbagai sudut sebelum ia dapat dilaksanakan kerana ia akan melibatkan implikasi undang-undang. | Jawatankuasa berpendapat bahawa penajaan belanja berkempen memerlukan satu kajian yang menyeluruh. Jawatankuasa juga berpendapat bahawa perkara ini perlu diselesaikan dan disinergikan dengan isu pengauditan perbelanjaan sepanjang tempoh pilihan raya. |
| 10. | 11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>12.11.11<br><br>12.11.11 | Majlis Belia Selangor<br><br>MCA<br><br>Transparency International<br><br>Society of the Blind<br><br>Putera MIC Selangor<br><br>K. J. John (individu)<br><br>Human Right Party(HRP)<br><br>Datuk S. Ambiga<br><br>Pemuda Pas | SPR perlu melakukan penambahbaikan dalam proses pembuangan undi. | Proses pembuangan undi yang diamalkan sekarang merupakan proses yang adil, kemas dan teratur. Namun begitu, SPR secara berterusan akan mengkaji dan membuat penambahbaikan bagi memastikan proses pilihan raya Negara ini sentiasa relevan dengan keadaan semasa. | .Jawatankuasa berpendapat bahawa isu proses pembuangan undi memerlukan kajian lanjut dengan melihat serta membandingkan proses yang diguna pakai oleh Negara-negara lain. Oleh yang demikian, setakat ini peruntukan yang sedia ada adalah memadai. |
| 11. | 11.11.11<br><br>12.11.11 | Transparency International<br><br>Datuk S. Ambiga | Pemeriksaan kesihatan dan pengisytiharan harta bagi calon | SPR mengambil maklum berlakunya banyak pilihan raya kecil disebabkan oleh kematian wakil rakyat. | Jawatankuasa berpendapat bahawa isu pemeriksaan kesihatan dan pengisytiharan harta bagi calon |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Undang-undang sedia ada tidak memperuntukkan kesihatan sebagai salah satu syarat bagi melayakkan sesorang itu untuk bertanding.<br><br>Undang-undang sedia ada tidak memperuntukkan kehendak mengisytiharkan harta mana-mana calon sebagai salah satu syarat bagi melayakkan sesorang itu untuk bertanding.<br><br>Walau bagaimanapun kedua-dua perkara ini bolehlah dijadikan syarat awal oleh pihak parti sendiri semasa mencalonkan mana-mana individu untuk bertanding di dalam suatu pilihan raya. | jika dilaksanakan boleh menunjukkan tahap kesihatan, ketelusan dan integriti seseorang individu yang akan menjadi calon. Jawatankuasa kemudiannya berpendapat pengisytiharan harta sahaja diperlukan. |
| 12. | 11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br><br>11.11.11<br><br>12.11.11 | Majlis Belia Selangor<br><br>MCA<br><br>YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)<br><br>PROHAM<br><br>Dr. Sean Tan (individu) | Pengundi Luar Negara tidak dibenarkan mengundi jika berada di luar Negara terlalu lama. | Hak bagi warganegara Malaysia yang telah mendaftar sebagai pemilih termasuk mereka yang berada di luar Negara adalah kekal terpelihara sehinggalah mereka hilang kelayakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. | Jawatankuasa berpendapat bahawa perlu diwujudkan *cut off period* bagi pengundi luar negara iaitu bagi tempoh lima tahun di mana mereka yang berada di luar negra melebihi tempoh tersebut tidak lagi layak untuk mengundi.<br><br>Jawatankuasa |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | 26.11.11 | Dato’ Eric Majimbun (SAPP) | | | berpendapat bahawa tempoh lima tahun itu mencukupi untuk tidak melayakkan individu tersebut mengundi. |
| 13. | 11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>11.11.11<br><br>12.11.11<br><br>12.11.11<br><br>12.11.11 | YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)<br><br>Majlis Belia Selangor<br><br>MCA<br><br>Putera MIC Selangor<br><br>Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM)<br><br>PROHAM<br><br>SUHAKAM<br><br>Datuk S. Ambiga<br><br>Majlis Peguam Malaysia (BAR Council) | Umur layak mengundi perlu diturunkan kepada 18 tahun | Umur 21 tahun merupakan had umur yang diperuntukan oleh undang-undang bagi seseorang warganegara Malaysia layak mendaftar sebagai pemilih.Oleh yang demikian, sebarang cadangan untuk menukar had umur layak mendaftar pindaan hendaklah dibuat kepada perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. | Jawatankuasa berpendapat bahawa perkara ini perlu dikaji dengan lebih lanjut oleh SPR. |

13.3 Jawatankuasa Kecil Menambah Baik Daftar Pemilih

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 1.11.11 | YB Datuk Radin Malleh | Pencemaran daftar pemilih oleh pendatang tanpa izin (PTI)<br><br>Tempoh mengemuka-kan bantahan | | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | dilanjutkan lebih daripada 7 hari | | |
| | 11.11.11 | Majlis Belia Selangor (MBS) | (a) Pendaftaran pemilih dibuat secara automatik bagi warganegara yang berumur 21 tahun; | (a) Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pendaftaran automatik akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | |
| | | | (b) Warganegara yang sudah berdaftar sebagai pemilih tetapi tidak mengundi, automatik pendaftarannya perlu dikeluarkan namanya daripada daftar pemilih selepas tempoh satu pilihan raya dan perlu mendaftar semula; | (b) Nama mana-mana pemilih yang tidak keluar mengundi tidak wajar dikeluarkan kerana bertentangan dengan prinsip pendaftaran pemilih.<br><br>(c) Mewujudkan | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | (c) Memperluaskan penggunaan sistem IT secara *online*, melibatkan penglibatan antara agensi dan jabatan daripada segi sistem maklumat perlu dilaksanakan; dan<br><br>(d) Seseorang warganegara yang mempunyai dwi kewarganegaraan dan status penduduk tetap di negara lain tidak layak mengundi. | sistem secara online memerlukan perbelanjaan operasi yang tinggi sedangkan proses pemindahan data menggunakan media elektronik sudah memadai kerana tempoh untuk mengadakan pilihan raya adalah panjang.<br><br>(d) SPR hanya mendaftarkan pemilih yang disahkan taraf kewarganegaraannya oleh Jabatan Pendaftaran Negara. | |
| 2. | 11.11.11 | Tuan Loke Siew Fook [Rasah] | Umur kelayakan pengundi diturunkan daripada 21 tahun ke 18 tahun. | Penurunan umur kelayakan daripada 21 tahun kepada 18 tahun melibatkan pindaan Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan penurunan umur kelayakan sebagai pemilih daripada 21 tahun kepada 18 tahun akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | 11.11.11 | Majlis Belia Selangor (MBS) | Pendaftaran Automatik – Penentuan tempat mengundi berdasarkan alamat tetap dalam kad pengenalan dan bukan berdasarkan kepada pilihan mengundi. | Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pendaftaran automatik akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang |
| 4. | 11.11.11 | Malaysian Chinese Association (MCA) | (a) Mencadangkan supaya SPR mempunyai satu sistem yang lebih berkesan dan efisien, dan mempunyai cara pemeriksaan secara berkala untuk membersihkan *database* ataupun nama-nama pengundi, sama ada mereka itu dah meninggal ataupun telah melupuskan kewarganegaraan mereka; | SPR telah mempunyai sistem yang berkesan untuk membersihkan daftar pemilih dan sentiasa menambah baik sistem sedia ada bersesuaian dengan teknologi semasa.<br><br>SPR sering mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan Polis DiRaja Malaysia bagi membantu SPR dalam usaha membersihkan daftar pemilih. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | (b) Mencadangkan supaya SPR mempunyai satu saluran terbuka di antara SPR, Jabatan Pendaftaran Negara dan Polis DiRaja Malaysia untuk menapatkan status terkini kewarganegaraan pengundi-pengundi;<br><br>(c) Status pemilih yang mengundi dan yang tidak mengundi;<br><br>(d) Pendaftaran bukan secara automatik kerana ada unsur paksaan;<br><br>(e) Mempercepatkan proses pengesahan daftar pemilih; dan<br><br>(f) Umur kelayakan sebagai pemilih kekal 21 tahun; | SPR mengambil maklum cadangan (c), (d), (e) dan (f). | |
| 5. | 11.11.11 | Tuan Loke Siew Fook [Rasah]<br><br>Puan Annie Ooi Siew Lan<br><br>Putera MIC | Mencadangkan semua warganegara Malaysia di luar negara dibenarkan mengundi secara pos | SPR memaklumkan bahawa pengundi tidak hadir luar negara yang ditetapkan dalam undang-undang sedia ada adalah kakitangan awam | SPR akan mengkaji cadangan untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Selangor | | yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar sepenuh masa di luar negara dan pasangan.<br>SPR akan mengkaji untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak.<br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pengundi tidak hadir luar negara akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | Malaysia bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab untuk mengundi pada hari pengundian. |
| 6. | 11.11.11 | Putera MIC Selangor | Pendaftaran pengundi secara automatik apabila waragnegara mencapai umur 21 tahun dan telah membuat pertukaran kad pengenalan ketika mencapai umur 21 tahun. | Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pendaftaran automatik akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 7. | 11.11.11 | Tuan Loke Siew Fook [Rasah] | Pendaftaran pengundi automatik, apabila seseorang warganegara sampai 21 tahun di mana perlu membuat pertukaran kad pengenalan MyKad. | Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pendaftaran automatik akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 8. | 11.11.11 | Encik K J John | Pendaftaran pemilih berdasarkan alamat harta | SPR mengambil maklum cadangan tersebut dan akan mengkaji. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 9. | 11.11.11 | Putera MIC Selangor | Kemudahan untuk mengundi bagi rakyat Malaysia di luar Negara | Bagi warganegara Malaysia yang berada di luar negara yang dikategorikan di bawah Pengundi Tidak Hadir luar negara kemudahan diberikan kepada mereka untuk mengundi secara pos.<br>SPR akan mengkaji cadangan mengadakan kemudahan mengundi bagi rakyat Malaysia di luar Negara memandangkan ia akan melibatkan proses pengundian | SPR akan mengkaji cadangan untuk memperluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | yang tidak diperuntukkan di baawah undang-undang sedia ada.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan kemudahan mengundi bagi rakyat Malaysia di luar Negara akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | |
| 10. | 11.11.11 | Young Malaysians Movement | (a) Pendaftaran pengundi automatik, apabila seseorang warganegara sampai 21 tahun<br><br>(b) Tempoh pengesahan tersebut selama enam bulan. | (a) Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>(b) Cadangan untuk memendekkan tempoh pengesahan Daftar Pemilih Tambahan memerlukan kajian lanjut dan pindaan terhadap peraturan berhubung urusan pameran, kerana ia melibatkan hak pemilih untuk membuat tuntutan dan bantahan.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang.<br><br>Berhubung urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan, SPR akan mengkaji cadangan untuk memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan.<br><br>SPR juga akan mengkaji kaedah yang lebih berkesan untuk mengatasi isu-isu pembersihan daftar pemilih. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | (c) Pembersihan daftar pemilih | dengan pendaftaran automatik akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | |
| 11. | 12.11.11 | YB Tan Sri Ramon Navaratnam | Umur kelayakan dikurangkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun | Penurunan umur kelayakan daripada 21 tahun kepada 18 tahun melibatkan pindaan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 12. | 12.11.11 | YB Tan Sri Ramon Navaratnam | Pembersihan daftar pemilih meliputi 40,000 pemilih ragu. | SPR sedang mempamerkan nama pemilih di laman web SPR sehingga 31 Disember 2011 bagi membolehkan SPR menyiasat status pemilih ragu itu. | |
| 13. | 12.11.11 | YB Tan Sri Ramon Navaratnam | Pendaftaran secara *online* | Cadangan pendaftaran secara *online* akan dikaji kerana mempunyai implikasi perundangan. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 14. | 12.11.11 | YB Tan Sri Ramon Navaratnam | Pendaftaran semula setiap 10 tahun (Daftar Pemilih Baru) | Cadangan Pendaftaran semula setiap 10 tahun (Daftar Pemilih Baru) akan dikaji kerana mempunyai implikasi perundangan dan akan melibatkan kos. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 15. | 12.11.11 | YB Dato' Michael Yeoh | Pendaftaran pemilih secara automatik | Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pendaftaran automatik akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | |
| 16. | 12.11.11 | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) | SPR diberi kuasa untuk menyemak kesahihan alamat tempat tinggal seseorang dan memindahkan pemilih dari satu kawasan ke kawasan lain kerana pertukaran alamat. | Cadangan untuk member SPR kuasa menyemak kesahihan alamat tempat tinggal seseorang dan memindahkan pemilih dari satu kawasan ke kawasan lain kerana pertukaran alamat akan dikaji kerana mempunyai implikasi perundangan dan melibatkan kos. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 17. | 12.11.11 | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)<br><br>YBhg. Datuk S. Ambiga | Pendaftaran secara automatik ketika mencapai umur 21 tahun | Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | sedia ada berhubung dengan pendaftaran automatik akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | |
| 18. | 12.11.11 | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)<br><br>Pemuda PAS | Mengemaskini daftar pemilih secara berkala | SPR mengemaskini daftar pemilih secara sepanjang tahun. | SPR akan mengkaji kaedah yang lebih berkesan untuk mengatasi isu-isu pembersihan daftar pemilih. |
| 19. | 12.11.11 | YBhg. Datuk S. Ambiga | Pengesahan Daftar Pemilih Tambahan (DPT) dibuat secara bulanan | SPR akan mengkaji cadangan pengesahan Daftar Pemilih Tambahan (DPT) dibuat secara bulanan untuk memastikan praktikaliti cadangan tersebut kerana ia melibatkan pelbagai sudut yang perlu dilihat. | SPR akan mengkaji cadangan untuk memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan. |
| 20. | 12.11.11 | YBhg. Datuk S. Ambiga | Tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan dipanjangkan kepada 14 hari | Cadangan untuk memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan memerlukan kajian lanjut untuk memastikan praktikaliti cadangan tersebut dan juga melibatkan pindaan kepada peraturan berhubung tuntutan dan bantahan. | SPR akan mengkaji cadangan untuk memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan. |
| 21. | 12.11.11 | YBhg. Datuk S. Ambiga | Pindaan kepada Seksyen 9A, Akta Pilihan Raya 1958 yang memperuntukk | SPR akan mengkaji cadangan pindaan kepada Seksyen 9A, Akta Pilihan Raya 1958 kerana melibatkan perkara dasar yang telah pun | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | an daftar pemilih tidak boleh dicabar oleh mana-mana mahkamah. | diluluskan di Parlimen. | |
| 22. | 12.11.11 | Pemuda PAS | Kad pengenalan berkembar dalam daftar pemilih SPR | SPR mewajibkan semua pendaftaran warganegara Malayisa sebagai pengundi biasa menggunakan nombor kad pengenalan 12 angka dan SPR mendapatkan kerjasama daripada JPN untuk menentusah kesahihan nombor kad pengenalan 12 angka berkenaan.<br><br>Walau bagaimanapun SPR akan melihat dakwaan berhubung kad pengenalan berkembar dalam daftar pemilih SPR. | SPR akan mengkaji kaedah yang lebih berkesan untuk mengatasi isu-isu pembersihan daftar pemilih termasuklah isu kad pengenalan berkembar dalam daftar pemilih SPR. |
| 23. | 12.11.11 | Pemuda PAS | Rakyat Malaysia di luar Negara dibenarkan jadi pemilih | Rakyat Malaysia di luar negara sememangnya dibenarkan menjadi pemilih dengan syarat ia layak dan memohon untuk menjadi pemilih.<br>SPR memaklumkan bahawa pengundi tidak hadir luar negara yang ditetapkan dalam undang-undang sedia ada adalah kakitangan awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar sepenuh masa di luar negara | Jawatankuasa memutuskan supaya kategori pengundi pos diluar Negara dibuka pada semua pemastautin yang layak mengundi di luar Negara. Ini bermakna Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 di pinda dengan memasukkan suatu peruntukan 3(1)(g) dalam yang menyatakan bahawa pemastautin |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | dan pasangan. SPR akan mengkaji untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak. SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pengundi tidak hadir luar negara akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | warganegara Malaysia yang layak mengundi adalah dibenarkan untuk mengundi secara pos di luar Negara.<br><br>Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa juga berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk mengadakan peruntukan berkenaan Akuan Berkanun (Statutory Declaration) bahawa pengundi tersebut berniat mengundi di luar Negara di konsulat Malaysia.<br><br>Jawatankuasa juga berpendapat bahawa SPR perlu mengadakan suatu peraturan berkenaan pengudian pos bagi warganegara Malaysia di luar Negara. |
| 24. | 12.11.11 | Pemuda PAS | Pelarasan sistem maklumat antara SPR, JPN dan Polis Di Raja Malaysia | SPR telah pun mempunyai kemudahan online dengan JPN melalui sistem ALiS dalam melaksanakn urusan pendaftaran pemilih.<br><br>Walaubagaimanapun SPR tidak mempunyai kemudahan secara online dengan PDRM tetapi sentiasa menjalankan | JK mengambil maklum kemudahan online yang digunakan oleh SPR dengan kerjasama JPN melalui sistem ALiS dalam melaksanakn urusan pendaftaran pemilih. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | kerjasama secara *offline.*<br>. | |
| 25. | 12.11.11 | Democratic Action Party (DAPSY)<br><br>Bar Council<br><br>Growing Emerging Leaders Centre (GELC) | Pendaftaran secara automatik ketika mencapai umur 21 tahun | Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik melibatkan pindaan terhadap Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>SPR memaklumkan bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan cara pengundian akan melibatkan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 26. | 25.11.11 | Parti Maju Sabah<br><br>Encik Joshua Kong<br><br>Parti Pertubuhan Pasok-momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) | Pembersihan dan pengemaskinian daftar pemilih | SPR menjalankan urusan pembersihan dan pengemaskinian daftar pemilih sepanjang tahun. Ini adalah selaras dengan Peraturan 25 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.<br><br>Dalam menjalankan urusan pembersihan dan pengemaskinian daftar pemilih, SPR telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengesahkan maklumat seperti yang berikut: | Jawatankuasa mengambil maklum berhubung usaha berterusan oleh SPR untuk membersihkan daftar pemilih. Namun begitu Jawatankuasa berpendapat usaha tersebut perlu diperkemaskan lagi dengan mengambil kira kemungkinan untuk mengemas kini data secara talian terus daripada pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi membolehkan |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (a) Status kewarganegaraan;<br><br>(b) Nombor kad pengenalan dan alamat pemilih;<br><br>(c) Kematian warganegara; dan<br><br>(d) Warganegara yang dilucutkan atau melepaskan hak kewarganegaraan.<br><br>Dalam urusan pendaftaran anggota tentera dan polis serta pembersihan daftar pemilih PTH tentera dan polis, SPR mendapat kerjasama daripada Jabatan Arah Rekod dan Pencen, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia dalam perkara-perkara seperti yang berikut:<br>(a) Menyemak status perkhidmatan anggota tentera dan polis;<br><br>(b) Mengesahkan butiran peribadi anggota tentera dan polis; dan<br><br>(c) Mendapat maklumat anggota tentera dan polis yang telah menamatkan perkhidmatan. | semua maklumat berkaitan dapat dikemaskini dengan kadar yang lebih cepat. |
| | | | 26.1 Isu 2 orang pemilih dengan satu nombor kad pengenalan | Dalam urusan pendaftaran pemilih bagi pengundi biasa, SPR menggunakan *identifier* unik | Jawatankuasa berpendapat SPR perlu sentiasa membuat semakan maklumat pemilih |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | yang sama | nombor kad pengenalan 12 angka. Oleh yang demikian, setiap satu *identifier* hanya boleh digunakan oleh seorang pemilih sahaja. | dengan pangalan data JPN bagi mengelakkan masalah ini berulang lagi. |
| | | | 26.2 Isu pengundi yang telah meninggal dunia tetapi nama masih dalam daftar pemilih | Pemotongan nama pemilih yang telah meninggal dunia daripada daftar pemilih dibuat berdasarkan kepada maklumat kematian yang dibekalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) secara berkala.<br><br>SPR juga boleh mendapat maklumat pemilih secara *online* melalui sistem Agency Link-up System (ALIS). | JPN akan melaksanakan proses pendaftaran kematian yang digabungkan dengan pengeluaran Permit Kubur di Balai-balai Polis bagi memastikan semua kematian akan didaftarkan terus dengan JPN bermula 1 Disember 2011. Rekod-rekod kematian ini akan disalurkan kepada SPR setiap hari. |
| | | | 26.3 Isu pemilih yang berumur 90 tahun dan ke atas | SPR tidak boleh memotong nama-nama pemilih dari daftar pemilih atas sebab umur pemilih yang berumur 90 tahun dan ke atas. | JK mengesyorkan supaya rekod pemilih berusia 90 tahun ke atas diasingkan ke dalam Senarai Diragui sehingga pemilih tersebut dapat dikenal pasti.<br><br>Nama pemilih yang berumur 90 tahun dan ke atas ini dipamerkan dalam Rang Daftar Pemilih. Jika tidak ada yang membantah nama pemilih yang berkenaan akan dikeluarkan dari daftar pemilih. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 26.4 Isu pemilih bukan warga tempatan | Penentuan kawasan pendaftaran bagi seseorang pemilih adalah berdasarkan kepada alamat terkini di JPN.<br><br>Sebelum suatu permohonan pendaftaran disahkan, SPR mempamerkan senarai nama pemilih tersebut semasa urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan untuk memberi peluang kepada warga tempatan menyemak senarai tersebut serta membuat bantahan terhadap senarai tersebut sekiranya mendapati terdapat mana-mana pemilih yang tidak memenuhi kelayakan untuk didaftarkan bagi kawasan pendaftaran berkenaan. | JK mencadangkan supaya SPR mengkaji supaya tempoh pameran dipanjangkan dari 7 hari kepada 14 hari dan diberi kuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap aduan yang dibuat ke atas pemilih dalam daftar pemilih. |
| | | | 26.5 Isu ramai pemilih dalam satu alamat | Alamat tempat tinggal adalah merujuk kepada alamat pada kad pengenalan.<br>Penentuan kawasan pendaftaran bagi seseorang pemilih adalah berdasarkan kepada alamat mastautin pemilih dalam pangkalan data JPN. | JK mengesyorkan supaya permohonan tukar alamat pusat mengundi dengan SPR hendaklah disertakan dengan surat akuan sumpah sebagai bukti telah bermastautin di kawasan pendaftaran tersebut. |
| | | | 26.6 Isu pengundi hilang layak (contoh: | SPR akan memotong nama PTH tentera atau polis yang telah menamatkan | Jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak Angkatan Tentera |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Tentera hilang layak sebagai PTH kerana menamatkan perkhidmatan) | perkhidmatan berdasarkan daripada maklumat yang diterima daripada Jabatan Arah Rekod dan Pencen, ATM | Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia perlu dengan seberapa kerap yang boleh untuk memaklumkan SPR sekiranya terdapat mana-mana anggota yang telah meninggal dunia atau telah menamatkan perkhidmatan supaya tindakan pemotongan boleh dilaksanakan oleh SPR. |
| | | | 26.7 Pendaftaran pemilih secara automatik | Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menetapkan setiap warganegara yang telah layak untuk memohon mendaftar sebagai pemilih dan memohon tukar alamat pusat mengundi. Pendaftaran pemilih secara automatik hanya boleh dilaksanakan sekiranya Perkara 119 (4) Perlembagaan Persekutuan dipinda sewajarnya. | Jawatankuasa mencadangkan supaya cadangan ini boleh dikaji untuk jangka masa panjang sebagai salah satu usaha penambahbaikan proses pilihan raya. |
| 27. | 25.11.11 | Parti Maju Sabah | Isu pengundi yang dipindahkan lokaliti tanpa pengetahuan pengundi | Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 memperuntukkan kepada mana-mana pemilih yang hendak menukar kawasan pendaftaran hendaklah mengemukakan permohonan tukar | JK mengesyorkan supaya permohonan tukar alamat pusat mengundi dengan SPR hendaklah disertakan dengan surat akuan sumpah sebagai bukti telah bermastautin di kawasan pendaftaran |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | alamat pusat mengundi dengan mengisi Borang A dan menghantar borang permohonan tersebut kepada SPR. Sebarang perpindahan lokaliti pemilih adalah berdasarkan kepada alamat baru pemohon sebagaimana dimaklumkan kepada SPR melalui permohonan pertukaran alamat pusat mengundi. | tersebut. |
| 28. | 25.11.11 | Tuan Loke Siew Fook [Rasah] | Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan<br><br>28.1 Tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan dipanjangkan daripada 7 hari kepada 14 hari<br><br>28.2 Fi bantahan dikurangkan<br><br>28.3 Tiada had jumlah OKB yang boleh dibantah oleh seorang pembantah | Dalam menjalankan urusan pendaftaran pemilih, SPR mengambil masa 2 hingga 5 bulan untuk menyediakan Daftar Pemilih Tambahan. Dalam tempoh ini SPR akan melaksanakan proses-proses seperti yang berikut:<br><br>(a) Menerima borang permohonan (3 bulan);<br><br>(b) Menyediakan Rang Daftar Pemilih Tambahan (3 minggu);<br><br>(c) Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan (7 hari); dan<br><br>(d) Pemerakuan dan Pewartaan Daftar Pemilih Tambahan yang (1 bulan)<br><br>Sekiranya tempoh pameran ini | Jawatankuasa berpandangan bahawa urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan sepatutnya dipermudahkan bagi membolehkan lebih ramai pihak untuk turut serta. Proses bantahan juga perlu dipermudahkan memandangkan ia merupakan salah satu usaha yang dapat membantu SPR membersihkan daftar pemilih. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | dipanjangkan kepada 14 hari, dikhuatiri tempoh penyediaan Daftar Pemilih Tambahan secara keseluruhan akan menjadi lebih panjang<br>Penetapan fi bantahan RM10 bagi setiap orang yang dikemukakan bantahan ke atasnya (Orang Kena Bantah) dan jumlah maksimum 10 orang OKB bagi setiap Pembantah bertujuan untuk memastikan setiap bantahan yang dikemukakan adalah berasaskan alasan yang munasabah dan Pembantah mempunyai bukti yang cukup bagi setiap bantahan yang dikemukakannya. | |
| 29 | 25.11.11 | Tuan Loke Siew Fook [Rasah] | Harga Daftar Pemilih<br><br>29.1 Harga Daftar Pemilih Tambahan dikurangkan<br><br>29.2 Tiada caj Daftar Pemilih Tambahan yang dijual dalam bentuk cakera padat (CD) dikenakan | Peraturan 28 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) menetapkan caj dua puluh sen bagi setiap muka surat yang mengandungi lima puluh nama atau kurang dan fi tambahan terhadap daftar pemilih tambahan yang dijual dalam bentuk cakera padat.<br><br>Oleh yang demikian, sebarang cadangan untuk mengurangkan harga | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | daftar pemilih tambahan atau memansuhkan harga daftar pemilih yang dijual dalam bentuk cakera padat tertakluk adalah kepada pindaan terhadap peraturan tersebut. | |
| 30. | 25.11.11 | Parti Maju Sabah | Menambah saluran pendaftaran untuk memberi lebih banyak peluang kepada orang ramai mendaftar sebagai pemilih | Pada masa sekarang SPR menyediakan pelbagai saluran pendaftaran kepada warganegara yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih untuk memohon mendaftar sebagai pemilih. Saluran pendaftaran tersebut ialah seperti yang berikut:<br><br>(a) Kaunter Statik SPR (Ibu Pejabat SPR dan Pejabat Pilihan Raya Negeri);<br><br>(b) Kaunter Bergerak SPR (Program *Outreach*);<br><br>(c) Kaunter-kaunter Pejabat Pos (702 Pejabat Pos di seluruh Negara)<br><br>Di samping itu, SPR melantik Penolong Pendaftar Pemilih daripada pelbagai kategori untuk membantu SPR dalam urusan pendaftaran pemilih seperti yang berikut:<br><br>(a) Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik); | |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (b) Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Jabatan Kerajaan);<br><br>(c) Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan); dan<br><br>(d) Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Universiti/Kolej Universiti/Kolej) | |
| 31. | 25.11.11 | Tuan Loke Siew Fook [Rasah] | Penambahan maklumat dalam Daftar Pemilih SPR<br><br>31.1 Menambah maklumat nombor kad pengenalan 12 bagi PTH tentera dan polis dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan dan Daftar Pemilih Tambahan<br><br>31.2 Menambah maklumat bahagian pendaftaran terdahulu dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan bagi pemilih yang memohon tukar alamat pusat mengundi | SPR menggunakan *identifier* nombor perkhidmatan bagi PTH tentera dan polis. SPR menyimpan maklumat nombor kad pengenalan 12 angka bagi tujuan untuk memastikan anggota tentera dan polis tidak mendaftar 2 kali dalam daftar pemilih iaitu sebagai PTH dengan menggunakan nombor perkhidmatan dan mendaftar sebagai pengundi biasa dengan menggunakan nombor kad pengenalan 12 angka.<br><br>Penetapan butiran maklumat dalam Daftar Pemilih Tambahan bertujuan untuk membekalkan maklumat asas bagi setiap pemilih bagi memudahkan seseorang pemilih | Jawatankuasa berpandangan penambahbaikan kepada format Daftar Pemilih SPR adalah perlu bagi memudahkan semua pemilih yang berada di dalam sesuatu bahagian pilihan raya dikenal pasti dan seterusnya pergerakan mereka yang berpindah ke kawasan lain juga dapat diketahui. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | dikenali berdasarkan kepada *identifier* dan beberapa butiran maklumat lain seperti tahun lahir, jantina, nama dan nombor rumah.<br><br>Sebarang maklumat butiran peribadi pemilih yang lain disimpan dalam pangkalan data SPR dan akan dirujuk sekiranya ada keperluan untuk membuat semakan lanjut. | |
| 32. | 25.11.11 | Parti LDP | Pendaftaran Semula Pemilih Negeri Sabah<br><br>(Pemerakuan semula senarai pemilih Sabah) | SPR akan menimbang cadangan untuk mendaftar semula warganegara Malaysia di Sabah sebagai pemilih.<br><br>Cadangan pendaftaran semula pemilih negeri Sabah akan dikaji kerana mempunyai implikasi perundangan dan akan melibatkan kos. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |
| 33. | 25.11.11 | Parti Maju Sabah | Penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Untuk Menyiasat Daftar Pemilih Sabah. | Kerajaan yang sepatutnya menimbang cadangan untuk menubuhhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Untuk Menyiasat Daftar Pemilih Sabah. | Cadangan ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JK yang akan datang. |

13.4 Jawatankuasa Kecil Memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 12.10.11 | YB Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak) | Jika SPR mahu Menjadi sebuah badan bebas, SPR perlu mempunyai perjawatan sendiri termasuk Pengarah Pilihan Raya, peruntukan perbelanjaan dan sumber sendiri | SPR merupakan suatu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Perkara 114 (1) Perlembagaan Persekutuan. SPR boleh mendapatkan bantuan semua pihak berkuasa awam untuk menjalankan fungsinya. Perkara ini diperuntukkan di bawah Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan.<br><br>Berhubung dengan cadangan SPR mempunyai sumber kewangan sendiri, SPR bukanlah suatu badan yang menjana pendapatan bagi mempunyai sumber kewangannya sendiri.<br><br>Belanjawan SPR perlu dibentangkan di Parlimen untuk diluluskan.<br><br>Cadangan untuk mempunyai sumber kewangan sendiri perlu dikaji secara mendalam bagi melihat praktikalitinya. | SPR secara terus di bawah Parlimen atau bebas daripada mana-mana kawalan. |
| 2. | 12.10.11 | YB Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) | Setiap kali pilihan raya umum berlangsung, SPR melantik | Pelantikan Petugas-petugas Pilihan Raya yang begitu ramai pada masa ini dibuat berdasarkan atas | Perjawatan SPR hendaklah dinaik taraf dan diperbesarkan bagi menjamin |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | kira-kira 150,000 petugas pilihan raya yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kerajaan | kerjasama dan bantuan daripada pelbagai pihak berkuasa awam seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berhubung dengan pilihan raya.<br><br>Bagi memastikan pilihan raya berjalan lancar, SPR memerlukan bantuan daripada pihak berkuasa awam melainkan SPR diberi petugas yang mencukupi tanpa perlu bergantung kepada pihak berkuasa awam yang lain.<br><br>Aset terpenting SPR adalah sumber manusia yang berpengalaman. Sehingga kini SPR hanya mempunyai 560 pekerja termasuk pegawai dan kakitangan sokongan. Jumlah ini adalah terlalu kecil bagi menampung beban tugas, peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh SPR yang semakin bertambah dari semasa ke semasa berdasarkan situasi politik.<br><br>Jika cadangan untuk SPR menambah bilangan petugas di bawah bidang kuasa | tercapainya sasaran serta hasrat yang ditetapkan. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | SPR maka peruntukan mengenainya hendaklah dijelaskan dalam undang-undang berhubung dengan keperluan sumber manusia SPR yang hendaklah ditambah dan dinaik taraf perjawatan sedia ada sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa. | |
| 3. | 12.10.11 | YB Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) | • SPR perlu mempunyai kebebasan dalam merangka undang-undang dan peraturan, bebas dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan pilihan raya, bebas daripada campur tangan mana-mana parti politik atau pihak tertentu. SPR juga bebas mempunyai peruntukan kewangan dan perjawatan sendiri | Kuasa SPR dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan pilihan raya adalah terhad kepada peruntukan tertentu dalam Akta Pilihan Raya 1958, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.<br><br>Undang-undang sedia ada memberi SPR kuasa untuk menubuhkan Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) yang memerlukan penglibatan dan bantuan pegawai-pegawai awam yang layak seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PDRM dan Wakil Calon yang bertanding. | SPR ditubuhkan sebagai sebuah Agensi tersendiri (Closed Service) dengan mempunyai kuasa dalam segala aspek berkaitan penguatkuasaan elemen-elemen pilihan raya. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Selain itu, SPR juga bergantung kepada kerjasama pihak berkuasa awam yang lain untuk menguatkuasakan undang-undang berhubung degan pilihan raya.<br><br>SPR dalam menguatkuasakan undang-undang sentiasa bertindak dalam kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang.<br><br>Jika cadangan untuk SPR menguatkuasakan undang-undang maka peruntukan mengenai kebebasan SPR hendaklah dijelaskan dalam undang-undang di samping keperluan sumber manusia SPR hendaklah ditambah dan dinaik taraf perjawatan sedia ada sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa. | |
| 4. | 11.11.11 | YBhg. Datuk Paul Low Seng Kuan (TIM) | SPR perlu mempunyai kuasa sendiri di dalam menguatkuasakan hal-hal berkaitan proses pilihan raya seperti sumber kewangan | Undang-undang sedia ada memang memberi kuasa kepada SPR untuk menguatkuasakan hal-hal berkaitan proses pilihan raya.<br><br>Walau bagaimanapun SPR bukanlah suatu badan yang menjana pendapatan bagi mempunyai sumber | SPR perlu diperkukuhkan dengan mempunyai kuasa autonomi bagi membolehkannya melaksanakan tindakan-tindakan penguatkuasaan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | parti, penguatkuasaan undang-undang berkaitan pilihan raya dan sebagainya yang mana pada masa ini SPR kelihatan seolah-olah merupakan sebuah agensi pelaksana semata-mata. | kewangannya sendiri.<br><br>Belanjawan SPR perlu dibentangkan di Parlimen untuk diluluskan.<br><br>Cadangan untuk mempunyai sumber kewangan sendiri perlu dikaji secara mendalam bagi melihat praktikalitinya.<br><br>Jika cadangan untuk SPR menguatkuasakan undang-undang maka peruntukan mengenai kebebasan SPR hendaklah dijelaskan dalam undang-undang di samping keperluan sumber manusia SPR hendaklah ditambah dan dinaik taraf perjawatan sedia ada sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa. | |
| 5. | 11.11.11 | Puan Josie Fernandez (TIM) | • SPR menjadi sebuah badan bebas yang mempunyai kuasa autonomi, termasuk boleh bertindak sebagai *Care-taker Government* semasa | SPR merupakan suatu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Perkara 114 (1) Perlembagaan Persekutuan.<br><br>Cadangan SPR untuk bertindak sebagai *Care-taker Government* semasa berlangsungnya sesuatu Pilihan Raya Umum merupakan perkara dasar baru yang memerlukan | SPR perlu diperkukuhkan dengan mempunyai kuasa autonomi bagi membolehkannya melaksanakan tindakan-tindakan penguatkuasaan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | berlangsungnya sesuatu Pilihan Raya Umum. | kajian lanjut kerana ia mempunyai implikasi undang-undang termasuklah Perlembagaan Persekutuan. | |
| 6. | 12.11.11 | Encik Andrew Khoo (Individu) | SPR perlu wujud sebagai sebuah badan bebas mengatasi kedudukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Justeru itu, SPR perlu bertanggung jawab terhadap semua perkara berkaitan pilihan raya, termasuklah rasuah, politik kotor dan mengenalpasti apa jua kesalahan yang boleh disabitkan dibawah Akta Kesalahan Pilihan Raya. | SPR merupakan suatu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Perkara 114 (1) Perlembagaan Persekutuan.<br><br>SPR boleh mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa awam untuk menjalankan fungsinya. Perkara ini diperuntukkan di bawah Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan.<br><br>SPR diperuntukkan kuasa mengikut undang-undang untuk memastikan sesuatu pilihan raya itu berjalan lancar. Walau bagaimanapun dalam memastikan kelancaran penjalanan pilihan raya, SPR perlu mendapatkan bantuan pihak yang dipertanggungjawabkan di bawah undang-undang contohnya isu rasuah yang mana SPRM diberi kuasa di bawah undang-undang untuk menguatkuasakannya. SPR sentiasa membantu SPRM bagi memastikan gejala rasuah dapat | SPR secara terus di bawah Parlimen atau bebas daripada mana-mana kawalan. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | dibanteras.<br><br>Jika cadangan untuk SPR menguatkuasakan undang-undang maka peruntukan mengenai kebebasan SPR hendaklah dijelaskan dalam undang-undang di samping keperluan sumber manusia SPR hendaklah ditambah dan dinaik taraf perjawatan sedia ada sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa. | |

13.5 Jawatankuasa Kecil Mengkaji Sistem Alternatif Dalam Mengadakan Pilihan Raya

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 11.11.11 | Datuk Paul Low Seng Kuan | Melantik Kerajaan Sementara semasa tempoh Pilihan Raya .Kuasa ini boleh diberikan kepada SPR atau KSN selaku Ketua Ekskutif Perkhidmatan Awam. Sistem ini ada dilaksanakan di India dan Bangladesh | i. Cadangan ini bukan merupakan komponen / kategori di bawah Sistem Alternatif Pilihan Raya.<br><br>ii. Sistem pilihan Raya adalah suatu kaedah pemilihan wakil rakyat dalam sesuatu pilihan raya bagi penubuhan sesebuah kerajaan.<br><br>iii. Selepas pembubaran Dewan Rakyat/DUN, maka Jemaah Menteri sediada perlu menjalankan tugas | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Induk. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | mereka sehingga wakil rakyat dan Jemaah Menteri yang baru ditubuhkan.<br><br>iv. Cadangan ini memerlukan kajian yang lebih teliti kerana ia melibatkan implikasi undang-undang. | |
| 2. | 12.11.11 | Encik Robert William | Calon yang bertanding wajib mengisytiharkan segala harta yang beliau punyai | Cadangan ini bukan merupakan komponen / kategori di bawah Sistem Alternatif Pilihan Raya dan ia merupakan sebahagian daripada proses pilihan raya yang melibatkan syarat-syarat pencalonan. | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Induk. |
| 3. | 12.11.11 | Encik Poh Swee Hiang | Mencadangkan "proportional representation" atau semi proportional representations untuk memastikan Ahli Parlimen yang dipilih mempunyai sokongan yang kuat daripada pengundi melebihi 1/3 daripada jumlah undi | i. Cadangan ini merupakan suatu perubahan dasar sedia ada. Maka suatu kajian yang. mendalam hendaklah dibuat bagi memastikan cadangan in benar-benar boleh dilaksanakan.<br><br>ii. Cadangan ini juga adalah perubahan mendadak kepada sistem pilihan raya sedia ada yang telah digunakan semenjak kemerdekaan.<br><br>iii. Cadangan ini juga memerlukan kajian perundangan yang mendalam.<br><br>iv. Di antara perubahan yang | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Induk. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | perlu dilihat dan mempunyai implikasi undang-undang termasuklah sistem pilihan raya "proportionate" yang dipilih, daftar pemilih, formula pengiraan undi, struktur kertas undi, perwakilan di peringkat daerah serta aspek pentadbiran tempat-tempat urusan pilihan raya seperti Tempat Mengundi, kos, tenaga kerja, kaedah-kaedah baru pendaftaran pemilih. pendidikan kepada petugas pilihan raya, *stake holders* seperti parti politik dan masyarakat umum perlu dilaksanakan. | |
| 4. | 12.11.11 | En Melvin Mah | (a) Mencadangkan pelantikan caretaker government di kalangan rakyat biasa daripada pengaruh politik. Mencadangkan agar Sultan/Raja melantik caretaker government sambil dinasihati oleh badan seperti Majlis Peguam 7 hari selepas pembubaran Parlimen/Dewan Undangan Negeri | i. Cadangan ini tidak termasuk dalam komponen/kategori Jawatankuasa Kecil Mengkaji Sistem Alternatif Pilihan Raya.<br><br>ii. Cadangan untuk melantik kerajaan sementara selepas pembubaran Parlimen / DUN akan melibatkan pindaan pada Perlembagaan Persekutuan oleh kerana tidak ada peruntukan undang-undang semasa mengenainya. Perkara ini perlu diperuntukkan dalam satu proviso baru dalam Perlembagaan Persekutuan. | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Induk. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | (b) Caretaker government harus dibentuk dalam tempoh | | |
| 5. | 12.11.11 | En. Rajiv a/l Rishyakaran (DAP Selangor) | Berkenaan perbelanjaan kempen, beliau mencadangkan agar calon mengemukakan penyata pendapatan dan perbelanjaan serta daripada penderma | i. Cadangan ini bukan merupakan komponen / kategori di bawah Sistem Alternatif Pilihan Raya.<br><br>ii. Ia merupakan sebahagian daripada proses pilihan raya kerana melibatkan penambahan syarat-syarat untuk menjadi calon pilihan raya. Sekiranya perlu pindaan undang-undang, ia melibatkan peruntukan di bawah Perkara 47, Perlembagaan Persekutuan | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Induk. |
| 6. | 25.11.11 | Cadangan dari YB Kapit, YB Wangsa Maju dan beberapa cadangan daripada United Pasok Momogun Kadazan Murut Organisation (UPKO) | Dasar pembahagian 34% terhadap kerusi-kerusi Parlimen di negeri-negeri Borneo dalam Perjanjian Malaysia ketika perundingan untuk menyertai pembentukan Malaysia. Perjanjian tersebut menjamin agar 34 % kerusi Parliamen di Dewan Rakyat adalah untuk mempertahankan semangat | i. SPR perlu mengkaji apa yang dibangkitkan berhubung dengan Perjanjian Malaysia kerana ia melibatkan sejarah dan interpretasi dokumen yang memerlukan kajian pakar.<br><br>ii. SPR sentiasa berpegang kepada prinsip-prinsip berhubung dengan penyempadanan bahagian pilihan raya selaras dengan Jadual Ketiga Belas (13), Perlembagaan Persekutuan iaitu:<br><br>a) Mengambil perhatian wajarnya | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Induk. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | perjanjian tersebut supaya sebarang usaha pindaan perlembagaan Persekutuan perlulah mendapat sokongan daripada wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak . | pemilih mudah pergi mengundi, bahagian-bahagian pilihan raya disempadankan supaya tidak merentasi sempadanan negeri.<br><br>b) Memberi kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian yang perlu<br><br>c) Bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya patutlah lebih kurang sama banyak kecuali mengambil kira kesulitan untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukiran lain.<br><br>d) Mengekalkan hubungan tempatan.<br><br>iii. SPR sentiasa bertindak berlandaskan undang-undang sedia ada. | |
| 7. | 11.11.11<br><br>25.11.11 | Datuk Ei Kim Hock (MCA)<br><br>Cadangan YB Wangsa Maju | Mencadangkan perubahan sistem pilihan raya masa kini (first past the post system) kepada | i. Cadangan ini merupakan suatu perubahan dasar sedia ada. Maka suatu kajian yang. mendalam hendaklah dibuat bagi | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | "proportional system". Ini bagi mengelakkan wakil yang dipilih, walaupun undi popularnya rendah; tapi diisytiharkan pemenang kerana berlakunya pecah undi. Mencadangkan system pengundian Negara Jerman (mixed member proportional system) untuk diambil kira implementasinya di Malaysia | memastikan cadangan in benar-benar boleh dilaksanakan.<br><br>ii. Cadangan ini juga adalah perubahan mendadak kepada sistem pilihan raya sedia ada yang telah digunakan semenjak kemerdekaan.<br><br>iii. Cadangan ini juga memerlukan kajian perundangan yang mendalam.<br><br>iv. Di antara perubahan yang perlu dilihat dan mempunyai implikasi undang-undang termasuklah sistem pilihan raya proportionate yang dipilih, daftar pemilih, formula pengiraan undi, struktur kertas undi, perwakilan di peringkat daerah serta aspek pentadbiran tempat-tempat urusan pilihan raya seperti Tempat Mengundi, kos, tenaga kerja, kaedah-kaedah baru pendaftaran pemilih. pendidikan kepada petugas pilihan raya, *stake holders* seperti parti politik dan masyarakat umum perlu dilaksanakan. | Jawatankuasa Induk. |

| BIL. | TARIKH | INDIVIDU/ PERSATUAN | PERKARA / CADANGAN | ULASAN AGENSI | PERBINCANGAN JK KECIL |
|---|---|---|---|---|---|
| 8. | 11.11.11 | Datuk Paul Low Seng Kuan (Transparency International) | Pembiayaan parti-parti politik bertanding oleh Kerajaan *(State Political Funding for Contesting Political Parties).* | i. Pembiayaan oleh kerajaan kepada parti-parti politik yang bertanding tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya.<br><br>ii. Cadangan ini merupakan suatu perubahan dasar sedia ada serta melibatkan implikasi undang-undang.<br>Maka suatu kajian yang. mendalam hendaklah dibuat bagi memastikan cadangan in benar-benar boleh dilaksanakan. | Jawatankuasa Kecil mengambil maklum terhadap perkara yang dibangkitkan dan akan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Induk. |

## BAHAGIAN III

## PANDANGAN DAN SYOR-SYOR AWAL JAWATANKUASA

Setelah mendengar cadangan dan maklum balas daripada individu/ persatuan/pertubuhan berdaftar serta cadangan dan maklum balas daripada Ahli-ahli Jawatankuasa dan mengambil kira perbincangan dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa mengemukakan syor-syor awal penambahbaikan proses pilihan raya seperti yang berikut:

### 1. PENGGUNAAN DAKWAT KEKAL (*INDELIBLE INK*)

1.1 Jawatankuasa mengambil maklum akan pandangan dan cadangan daripada pihak-pihak berkenaan berhubung dengan penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan tuduhan mana-mana orang dalam pilihan raya yang sama mengundi lebih daripada sekali.

1.2 **Jawatankuasa mengesyorkan penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*) dalam proses pengundian bagi pilihan raya umum ke-13. Bagi syor ini, Jawatankuasa mendapati bahawa pindaan hanya perlu dibuat kepada peraturan berhubung dengan pilihan raya sahaja tanpa perlu meminda Perlembagaan Persekutuan. SPR perlu menyegerakan proses pindaan peraturan-peraturan yang berkaitan untuk kuatkuasa.**

1.3 Tatacara pelaksanaan penggunaan dakwat kekal akan ditentukan oleh SPR.

1.4 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan cara pengundian akan melibatkan pindaan kepada peraturan yang berkenaan.

### 2. PENGUNDIAN AWAL

2.1 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pengundian awal tiada diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang berhubung dengan pillihan raya.

2.2 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pengundian awal bermaksud pengundian yang dijalankan pada tarikh yang lebih awal dari tarikh pengundian biasa.

2.3 **Jawatankuasa mengesyorkan bahawa kategori pemilih yang dibenarkan mengundi awal adalah terdiri daripada golongan anggota tentera dan pasangan serta anggota polis.**

2.4 **Jawatankuasa mengesyorkan mana-mana anggota tentera dan polis tidak termasuk pasangan yang tidak dapat mengundi awal kerana bertugas di perbatasan dan lapangan hendaklah memohon untuk mengundi secara pos.**

2.5 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya seorang yang diperakui oleh SPR sebagai seorang pegawai pilihan raya dan kena menjalankan tugas pada hari mengundi (Peraturan 3 (1) (b), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos ) 2003) dan seorang anggota SPR yang dilantik dibawah Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan (Peraturan 3 (1) (e), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos )2003) sebagai kategori pemilih yang boleh dibenarkan mengundi awal serta meluaskan kategori pengundi awal kepada doktor, jururawat dan wartawan.**

2.6 Tatacara pelaksanaan pengundian awal hendaklah menjamin ketelusan seperti proses pengundi awam oleh SPR.

2.7 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pengundian awal akan melibatkan pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan.

## 3. PENGUNDI TIDAK HADIR LUAR NEGARA

3.1 Jawatankuasa mengambil maklum pengundi tidak hadir luar negara yang ditetapkan dalam undang-undang sedia ada adalah kakitangan awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar sepenuh masa di luar negara dan pasangan.

3.2 **Jawatankuasa mengesyorkan SPR melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak.**

3.3 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pengundi tidak hadir luar negara akan melibatkan pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan.

## 4. PENGUNDI LUAR KAWASAN

4.1 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pengundi luar kawasan bermaksud pengundi yang berada di luar kawasan bahagian pilihan raya yang baginya diuntukkan dalam daftar pemilih.

4.2 Jawatankuasa mengambil maklum kesukaran pengundi luar kawasan dari Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung atau dari Semenanjung yang berada di Sabah dan Sarawak atas urusan kerja untuk kembali pada hari mengundi ke kawasan bahagian pilihan raya baginya dalam daftar pemilih.

4.3 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR membolehkan pengundi luar kawasan yang disebut dalam subperenggan 4.2 untuk mengundi tanpa perlu kembali ke kawasan pendaftaran asal masing-masing pada hari mengundi.**

4.4 **Jawatankuasa turut mengesyorkan supaya SPR mengambil kira keperluan bagi menetapkan suatu tempat mengundi mengikut zon di mana pengundi di luar kawasan ini tertumpu.**

4.5 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan pengundi luar kawasan akan melibatkan pindaan kepada peraturan–peraturan yang berkaitan.

## 5. PENUKARAN KAWASAN PENDAFTARAN (ALAMAT PUSAT MENGUNDI)

5.1 Jawatankuasa mengambil maklum penentuan kawasan pendaftaran bagi seseorang pemilih adalah berdasarkan alamat terkini yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

5.2 Jawatankuasa juga mengambil maklum terdapat aduan daripada pemilih, antaranya aduan berhubung dengan pertukaran kawasan pendaftaran dibuat tanpa pengetahuan pemilih berkenaan.

5.3 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR memastikan mana-mana permohonan penukaran kawasan pendaftaran (pusat mengundi) disertakan dengan suatu akuan berkanun (*statutory declaration*) oleh pemohon.**

5.4 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan penukaran kawasan pendaftaran akan melibatkan pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan.

## 6. PEMBERSIHAN DAFTAR PEMILIH

6.1 Jawatankuasa mengambil maklum usaha berterusan SPR dalam membersihkan daftar pemilih termasuklah mempamerkan nama-nama pemilih yang rekodnya tidak dapat dipastikan kesahihannya. Usaha-usaha berterusan itu termasuklah memotong:

a. nama-nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia;
b. nama-nama pemilih yang telah dilucutkan atau melepaskan kewarganegaraannya;
c. nama-nama pengundi tidak hadir (PTH) yang hilang kelayakan;
d. rekod anggota tentera dan polis yang telah menamatkan perkhidmatan; dan
e. nama-nama pemilih biasa yang menyertai tentera dan polis.

6.2 Walau bagaimanapun, Jawatankuasa mengambil maklum masih terdapat keraguan tentang daftar pemilih yang bersih, **khususnya di Sabah mengenai nama yang didakwa tidak layak berada dalam daftar pemilih atas apa jua sebab**.

6.3 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR melantik MIMOS Berhad untuk membuat verifikasi terhadap isu-isu berikut dan melaporkan balik penemuan kepada Jawatankuasa:**

- **a. dua orang pemilih dengan satu kad pengenalan yang sama;**
- **b. pengundi yang telah meninggal dunia tetapi masih berada dalam daftar pemilih;**
- **c. pengundi yang berumur 90 tahun dan ke atas;**
- **d. pemilih bukan warga tempatan;**
- **e. ramai pemilih dalam satu alamat; dan**
- **f. pengundi hilang kelayakan.**

6.4 **Jawatankuasa ini juga mengesyorkan supaya SPR mengadakan pemerakuan semula senarai daftar pemilih di Sabah.**

6.5 **Jawatankuasa mengambil maklum permintaan dan desakan pelbagai pihak dari pendengaran awam di Kota Kinabalu supaya satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan bahawa terdapat rakyat negara asing memperolehi status kewarganegaraan dan terlibat dalam proses pendaftaran pemilih khasnya di Sabah. Walaupun perkara ini adalah luas dan luar daripada terma rujukan utama Jawatankuasa ini, namun Jawatankuasa mengesyorkan supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang.**

6.6 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan cara pengundian akan melibatkan pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan.

## 7. PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN

7.1 Jawatankuasa mengambil maklum tujuan diadakan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada bakal pemilih dan pemilih untuk menyemak butir-butir pendaftaran dalam daftar pemilih tambahan di samping membuat tuntutan dan bantahan, jika layak.

7.2 Jawatankuasa juga mengambil maklum akan kepentingan tuntutan dan bantahan semasa pameran daftar pemilih tambahan diadakan bagi memastikan hak pemilih yang layak didaftarkan.

7.3 Jawatankuasa mengambil maklum akan aduan mengenai tempoh pameran selama tujuh (7) hari yang sedia ada tidak mencukupi untuk membolehkan semakan dan siasatan dibuat ke atas senarai Rang Daftar Pemilih Tambahan yang dipamerkan. Di samping itu, fi yang dikenakan dianggap membebankan pembantah dan ada had dikenakan bagi maksud jumlah orang yang hendak dibantah.

7.4 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR meneliti perkara-perkara berhubung pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan seperti yang berikut:**

- **a. memanjangkan tempoh pameran kepada 14 hari;**

b. **membatalkan kadar fi RM10 yang dikenakan kepada pembantah; dan**
c. **membatalkan had maksimum bilangan orang yang hendak dibantah.**

7.5 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR meminda peraturan yang sedia ada untuk membolehkan bantahan dibuat terhadap Daftar Pemilih Induk.**

7.6 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan dan perkara-perkara berkaitan dengannya akan melibatkan pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan.

## 8. KETELUSAN PROSES MENGUNDI

8.1 Jawatankuasa mengambil maklum usaha-usaha berterusan yang dilaksanakan oleh SPR dalam mempertingkatkan ketelusan proses mengundi.

8.2 Jawatankuasa seterusnya mengesyorkan supaya SPR meneliti usaha-usaha bagi meningkatkan ketelusan iaitu:

8.2.1 **Nombor Siri Kertas Undi**

8.2.1.1 Jawatankuasa mengambil maklum nombor siri kertas undi diadakan untuk tujuan rekod dan semakan sekiranya berlaku lebihan kertas undi selepas proses pengundian dilaksanakan.

8.2.1.2 Jawatankuasa mengambil maklum adanya kebimbangan bahawa dengan wujudnya nombor siri di atas kertas undi tidak dapat mengekalkan kerahsiaan undi.

8.2.1.3 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya nombor siri pada kertas undi ditiadakan dan hanya dikekalkan nombor siri pada keratan kertas undi (*counterfoil*) sahaja.**

8.2.2 **Mengenal Pasti Pengundi Yang Hadir**

8.2.2.1 Jawatankuasa mengambil maklum terdapatnya keraguan daripada ejen-ejen tempat mengundi bahawa susun atur yang sedia ada tidak membolehkan mereka mengenal pasti dengan lebih jelas pengundi yang hadir.

8.2.2.2 **Jawatankuasa mengesyorkan susun atur dalam tempat mengundi (saluran) disusun semula bagi membolehkan ejen tempat mengundi mengenal pasti dengan lebih jelas pengundi yang hadir untuk mengundi.**

8.2.3 **<u>Membenarkan Mereka Yang Dipercayai Oleh OKU Membantu Menandakan Kertas Undi</u>**

8.2.3.1 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa undang-undang yang sedia ada, khususnya subperaturan 19(7) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 hanya membenarkan saudara terdekat sahaja iaitu bapa, ibu, abang atau adik lelaki, kakak atau adik perempuan, isteri, suami, anak lelaki atau anak perempuan. yang dapat membantu pengundi OKU menandakan kertas undi.

8.2.3.2 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya orang yang dibawa oleh pengundi yang tidak berdaya oleh sebab buta atau kecacatan fizikal lain untuk membantu menandakan kertas undi bagi pihaknya dengan syarat orang yang dibawa itu adalah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas.**

8.2.4 **<u>Proses Ulang Kira Kertas Undi</u>**

8.2.4.1 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa undang-undang yang sedia ada, khususnya subperaturan 25(13) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 yang memperuntukkan jika perbezaan antara bilangan undian oleh pemilih yang terbanyak dengan bilangan undian kedua terbanyak adalah 4% atau kurang daripada jumlah bilangan undi, maka atas permintaan mana-mana calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya suatu pengiraan semula hendaklah dibuat sekali sahaja di tempat mengundi (saluran). Proses mengira undi dibuat di saluran dijalankan bagi mengelakkan kiraan undi yang melibatkan keseluruhan tempat mengundi yang tidak terlibat dengan apa-apa permohonan untuk pengiraan semula.

8.2.4.2 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tiada peruntukan undang-undang sedia ada yang memperuntukkan ulang kira dijalankan di pusat penjumlahan rasmi undi walau apapun perbezaan peratusannya.

8.2.4.3 **Jawatankuasa mengesyorkan jika terdapat perbezaan antara bilangan undian oleh pemilih yang terbanyak dengan bilangan undian kedua terbanyak adalah 2% atau kurang di pusat penjumlahan rasmi undi, ulang kira hendaklah dibuat jika ada permohonan.**

8.2.5 **<u>Penandaan Kertas Undi Yang Seragam</u>**

8.2.5.1 Jawatankuasa mengambil maklum tiada penandaan secara khusus bagi seseorang pengundi untuk menanda dalam kertas undi.

8.2.5.2 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR hanya menerima penandaan tanda "X" di sebelah kanan kertas undi bersetentangan dengan nama calon yang diundinya sebagai undi yang sah.**

## 9. PENAMBAHBAIKAN PROSES PENCALONAN

9.1 **Jawatankuasa mengesyorkan supaya proses bantahan pada hari penamaan calon dimansuhkan.**

9.2 **Jawatankuasa juga mengesyorkan supaya tempoh penarikan balik pencalonan dibatalkan.**

9.3 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apa-apa syor untuk mengubah peraturan sedia ada berhubung dengan bantahan pada hari penamaaan calon dan tempoh penarikan balik pencalonan akan melibatkan pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan.

## 10. PENGUKUHAN SPR

10.1 Jawatankuasa mengambil maklum akan keperluan dan kepentingan bagi mengukuhkan SPR yang berkait rapat dengan Perkara 114(2) Perlembagaan Persekutuan yang jelas tentang peri mustahaknya suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang mendapat kepercayaan awam.

10.2 **Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa mengesyorkan seperti yang berikut:**

a. **bagi menjelaskan keadaan SPR kepada pihak awam bahawa SPR adalah bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, maka peruntukan mengenai kebebasan SPR hendaklah diperjelas dalam undang-undang;**

b. **bagi menjamin SPR menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan, maka kuasa yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada SPR bagi memastikan penguatkuasaan peruntukan berkaitan undang-undang pilihan raya dan kebergantungan kepada pihak-pihak yang lain dapat dikurangkan, maka keperluan sumber manusia SPR hendaklah ditambah dan dinaik taraf perjawatan sedia ada serta peruntukan kewangan yang mencukupi sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa;**

## RUMUSAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa mengesyorkan agar semua syor yang terkandung dalam usul ini dilaksanakan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Namun, syor-syor yang masih dalam pertimbangan akan diputuskan dalam laporan akhir.

## BAHAGIAN IV

## PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak sama ada individu, persatuan-persatuan, parti politik dan pertubuhan-pertubuhan yang telah memberikan kerjasama dengan tampil di hadapan Jawatankuasa untuk menyampaikan keterangan serta mengemukakan memorandum dan cadangan yang berkaitan mengenai penambahbaikan proses pilihan raya.

2. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam penyediaan kemudahan-kemudahan logistik dan pengangkutan terutamanya kepada Dewan Undangan Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah serta Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jawatankuasa ini semasa mengadakan sesi pendengaran awam.

3. Penghargaan ditujukan kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya serta kepada semua kementerian / agensi / jabatan sama ada di peringkat pusat atau negeri yang menganggotai Jawatankuasa Kecil dan induk terutamanya kepada agensi teraju Jawatankuasa Kecil, iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), serta agensi-agensi lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Pertahanan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, dan MIMOS Berhad serta kepada pihak Parlimen Malaysia di atas sumbangan yang dicurahkan untuk menyempurnakan fungsi-fungsi dan peranan Jawatankuasa ini berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

4. Akhir sekali, Jawatankuasa ini merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Malaysia di atas kepercayaan kepada kami sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan perjalanan pilihan raya dan membuat syor-syor mengenainya.

## JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
## BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA




Dari kiri:

(i) Datuk Roosme bt Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa]

(ii) YB Tuan Loke Siew Fook (Ahli bagi Kawasan Rasah)

(iii) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Ahli bagi Kawasan Gombak)

(iv) YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn (Ahli bagi Kawasan Alor Gajah)

(v) YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
(Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi) [Pengerusi]

(vi) YB Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Ahli bagi Kawasan Kangar)

(vii) YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli (Ahli bagi Kawasan Kuala Krai)

(viii) YB Datuk Alexander Nanta Linggi (Ahli bagi Kawasan Kapit)

(ix) YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (Ahli bagi Kawasan Hulu Selangor)

(x) YB Tuan Wee Choo Keong (Ahli bagi Kawasan Wangsa Maju)